

**BANCI PENDUDUK
DAN PERUMAHAN MALAYSIA
1980**



*1980 POPULATION
AND HOUSING CENSUS
OF MALAYSIA*

**PANDUAN ARAHAN UNTUK
PERINGKAT PERTAMA – BORANG-BORANG 1 DAN 2**

*INSTRUCTION MANUAL FOR THE
FIRST STAGE – FORMS 1 AND 2*

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 1980

**PANDUAN ARAHAN UNTUK
PERINGKAT PERTAMA – BORANG-BORANG 1 DAN 2**

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 1980

PANDUAN ARAHAN UNTUK PERINGKAT PERTAMA – BORANG-BORANG 1 DAN 2

KANDUNGAN

	<u>Mukasurat-mukasurat</u>
BAHAGIAN 1 : Pendahuluan	1
BAHAGIAN 2 : Pengenalan Sempadan-sempadan	2 – 3
BAHAGIAN 3 : Penyenaraian Tempat-tempat Kediaman	4 – 9
BAHAGIAN 4 : Mengisi Buku Penyenaraian Rumah – Peringkat Pertama	10 – 12
BAHAGIAN 5 : Jadual Tempat Kediaman (Borang 2)	13 – 38
BAHAGIAN 6 : Kerjarumah	39 – 40
BAHAGIAN 7 : Ringkasan Tugas-tugas Penghitung Pada Peringkat Pertama	41 – 42
LAMPIRAN:	84 – 93

BAHAGIAN 1 : PENDAHULUAN

1.1. Buku kecil ini menerangkan kepada anda kerja-kerja yang anda perlu buat pada Peringkat Pertama.

1.2 KERJA ANDA

Kerja pada Peringkat Pertama memerlukan anda:-

- (a) Mengenali sempadan-sempadan Blok Penghitungan (BP) anda;
- (b) Menyenaraikan semua tempat kediaman dan isirumah serta mendapatkan satu pengiraan di atas orang-orang di dalam Blok Penghitungan (atau BP) anda;
- (c) Mengisi mukasurat-mukasurat bernombor genap yang bertajuk "*Peringkat Pertama Banci Perumahan*" dalam Buku Penyenaian Rumah (atau Borang 1);
- (d) Mengisi di dalam Borang Tempat Kediaman (atau Borang 2) ;
- (e) Membuat kerja rumah .

Kerja-kerja ini adalah dibincangkan di dalam Bahagian-bahagian yang berikut:-

Kerja berkenaan dengan (a) adalah dibincangkan dalam Bahagian 2;

Kerja berkenaan dengan (b) adalah dibincangkan dalam Bahagian 3;

Kerja berkenaan dengan (c) adalah dibincangkan dalam Bahagian 4;

Kerja berkenaan dengan (d) adalah dibincangkan dalam Bahagian 5; dan

Kerja rumah anda adalah dibincangkan dalam Bahagian 6.

Bahagian 7 memberikan satu ringkasan kerja yang anda buat dalam masa Peringkat Pertama.

BAHAGIAN 2 : PENGENALAN SEMPADAN-SEMPADAN

2.1 KONSEP BLOK PENGHITUNGAN

Sebelum kita menerangkan kerja mengenali sempadan-sempadan, marilah kita terangkan konsep Blok Penghitungan atau BP. Sesuatu Blok Penghitungan ialah sebuah kawasan alam yang diwujudkan secara rekaan dan biasanya mempunyai sempadan-sempadan semula jadi yang tertentu (misalnya sungai), sempadan-sempadan buatan manusia (misalnya jalanraya), sempadan pentadbiran (misalnya sempadan mukim atau daerah) atau sempadan rekaan (iaitu garisan lurus yang menghubungkan dan tempat di atas satu peta). Sebuah BP biasanya mengandungi kira-kira 600 orang.

Di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan di Sarawak, Blok-blok Penghitungan akan terdiri dari beberapa kelompok localiti atau kampung-kampung. Blok-blok Penghitungan di dalam kawasan-kawasan sedemikian biasanya tidak mempunyai sempadan-sempadan yang mudah dikenali.

Blok Penghitungan yang ditugaskan kepada anda merupakan kawasan kerja anda. Adalah penting bagi anda memahami dan tidak merasa ragu-ragu tentang sempadan-sempadan Blok Penghitungan anda.

2.2 BLOK PENGHITUNGAN DAN PETA LAKAR

Untuk membantu anda mengenali sempadan-sempadan Blok-blok Penghitungan anda, adalah disediakan satu *Peta Blok Penghitungan*, satu salinan *Simbol-simbol Peta* dan satu *Borang Keterangan Sempadan M3* di mukasurat-mukasurat 70, 71 dan 72 di dalam Buku Penyenaraian Rumah. Dalam kebanyakan kes, satu *Peta Lakar Blok Penghitungan* juga akan diberikan dan ini adalah disimpan di dalam poket Buku Penyenaraian Rumah.

Di atas Peta Blok Penghitungan sempadan-sempadan Blok Penghitungan anda dan Blok-Blok Penghitungan yang bersebelahan adalah dilukiskan dalam warna merah. Blok Penghitungan anda akan dinomborkan dalam satu ruangan kotak misalnya **BP 1.** Untuk mentaksirkan simbol-simbol yang ditunjukkan di atas Peta Blok Penghitungan anda mesti merujuk kepada Petunjuk (Legend) yang diberikan di mukasurat 71 dalam Buku Penyenaraian Rumah.

Peta lakar Blok Penghitungan akan memberi maklumat tambahan yang mencukupi mengenai bentuk-bentuk mukabumi dan tanda-tanda tempat yang penting yang dapat membantu anda mengenali sempadan-sempadan BP anda. Borang Keterangan Sempadan M3 memberi butir-butir lanjut mengenai cara bagaimana anda mengenali sempadan BP anda. Tempat dimana anda patut memulakan penyenaraian juga ditunjukkan dalam Borang M3. Bagaimanapun, anda boleh memilih satu tempat permulaan yang lebih mudah sekiranya didapati bahawa tempat permulaan yang diberikan itu tidak praktikal.

2.3 PENGENALAN SEMPADAN-SEMPADAN

Pada Latihan Peringkat Pertama Penyelia anda akan membincangkan sempadan-sempadan Blok Penghitungan anda. Beliau akan menerangkan kepada anda sempadan-sempadan yang diberikan diatas Peta BP dan Peta Lakar BP. Pastikan bahawa anda betul-betul mengetahui sempadan-sempadan dan kawasan kerja anda. Sekiranya BP anda terletak di sebuah kawasan bandar atau separa bandar, Penyelia anda akan meminta anda menentukan sempadan di atas mukabumi. Juga, jika terdapat apa-apa keraguan diatas sempadan-sempadan anda, anda mungkin perlu melawat kawasan itu bersama-sama dengan Penyelia anda dan Penghitungan-penghitungan sempadan BP yang bersebelahan semasa Latihan Peringkat Pertama.

2.4 *MASALAH MENGENALI SEMPADAN-SEMPADAN BP*

Apabila mengenali Sempadan-sempadan BP anda, anda mungkin menghadapi kesulitan-kesulitan yang berikut:-

- (a) Peta BP dan Peta Lakar BP mungkin tidak memberi gambar semasa atau yang sebenar mengenai kawasan BP anda kerana ia telah disediakan dengan berasaskan kepada maklumat-maklumat yang dikutip sejak beberapa lama dahulu, misalnya nama jalan-jalan yang diberikan di atas peta lakar mungkin telah bertukar atau disalahejakan, rumah-rumah yang merupakan tanda tempat yang penting untuk pengenalan sempadan itu mungkin telah dirobohkan atau penghuni-penghuninya telah berpindah ke tempat lain. Sebatang lorong kecil mungkin telah ditukarkan kepada jalan tar ataupun lorong kaki tidak dapat dikesan lagi di atas mukabumi. Untuk menetapkan sempadan BP di atas mukabumi dalam keadaan-keadaan yang tersebut di atas, anda perlu menggunakan kebijaksanaan anda. Anda mesti memberhatikan kawasan di sekitarnya dan cuba menghubungi penduduk-penduduk tempatan dan pegawai-pegawai tempatan; dan
- (b) Jika sempadan BP anda ialah sempadan pentadbiran yang tidak mengikut sesuatu bentuk mukabumi semulajadi, anda mungkin menghadapi kesulitan untuk mengesannya. Oleh yang demikian anda perlu meminta bantuan daripada pegawai-pegawai tempatan seperti Ketua Kampung, Pegawai-pegawai Penempatan dan Merinyu Kesihatan.

2.5 *PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM PETA-PETA BP DAN PETA-PETA LAKAR BP*

Sekiranya ada perubahan bentuk-bentuk mukabumi yang diterangkan dalam Peta BP dan Peta Lakar BP, anda mesti menggunakan pensil anda untuk membetulkannya. Batalkan bentuk-bentuk mukabumi yang tidak ada lagi atau yang telah didapati salah dengan tanda-tanda pangkah (X). Anda juga perlu menunjukkan apa-apa bentuk mukabumi baru di dalam Peta dan Peta Lakar BP dengan pensil. Nama-nama kampung yang tidak ditunjukkan di dalam Peta Lakar BP dan Borang M3 tetapi telah disahkan ujud oleh penduduk-penduduk tempat harus dituliskan dengan pensil di atas peta lakar BP.

3.1 KONSEP-KONSEP TEMPAT KEDIAMAN DAN ISIRUMAH

Setelah mengenali sempadan-sempadan BP anda, kerja yang berikutnya ialah menyenaraikan semua Tempat Kediaman dan isirumah serta mendapatkan satu pengiraan di atas orang-orang di dalam BP anda. Akan tetapi, sebelum anda menjalankan kerja penyenaiaian, adalah perlu bagi anda memahami konsep-konsep Tempat Kediaman dan isirumah dan bagaimana hendak mengenalinya.

Tempat Kediaman adalah tempat yang berasingan dan bebas dari segi struktur untuk tempat tinggal. Ia mungkin (a) telah dibina atau diubah untuk maksud tinggal dan tidur atau (b) tidak dimaksudkan untuk tempat tinggal dan tidur, tetapi sebenarnya digunakan sedemikian pada Peringkat Pertama; atau (c) tidak dimaksudkan untuk tempat tinggal dan tidur tetapi biasa digunakan sedemikian pada masa yang lalu dan mungkin akan digunakan sedemikian pada Peringkat Kedua.

Struktur adalah dianggap sebagai berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding-dinding, pagar, dsbnya dan ditutupi oleh bumbung. Struktur itu dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari jalanraya ataupun dari tangga umum, tempat lalulintas atau tanah biasa (iaitu penghuni-penghuni boleh masuk ke dalam atau keluar dari Tempat Kediaman mereka tanpa melalui perkarangan kediaman sesiapaupun).

Oleh yang demikian, pada Peringkat Pertama anda dikehendaki menyenaraikan:

- (a) struktur-struktur yang telah dibina atau diubah untuk tempat tinggal dan/atau tidur (misalnya rumah berasingan, rumah berkembar, rumah teres, rumah pangsa dan 'apartment', "rumah-rumah kampung" pondok-pondok setinggan, hotel-hotel, asrama, rumah tumpangan, rumah rehat, hospital, penjara dan kemah tahanan);
- (b) struktur yang tidak dimaksudkan untuk tempat tinggal dan/atau tidur tetapi digunakan sedemikian pada malam sebelumnya atau pada Peringkat Pertama (misalnya tokong-tokong, suaru-suaru, masjid-masjid, bangsal-bangsal, pondok-pondok dan dewan-dewan persatuan); dan
- (c) struktur-struktur yang tidak dimaksudkan untuk tempat tinggal dan/atau tidur tetapi dari pengetahuan tempatan didapati ianya biasa digunakan untuk maksud tersebut pada masa-masa yang lalu dan juga akan digunakan sedemikian pada Peringkat Kedua (misalnya tokong-tokong, surau-surau, masjid-masjid, bangsal-bangsal, pondok-pondok dan dewan-dewan persatuan).

Bagaimanapun, anda janganlah menyenaraikan struktur-struktur yang tidak dimaksudkan untuk tempat tinggal dan tidur serta tidak mungkin akan digunakan sedemikian pada Peringkat Kedua sebagai Tempat Kediaman.

Isirumah ialah sekumpulan orang yang tinggal bersama-sama dan membuat peruntukan bersama untuk makanan serta lain-lain keperluan hidup. Kumpulan itu akan membayar untuk makanan-makanan utama mereka dari belanjawan yang sama dan mempunyai peraturan bersama bagi asas keperluan hidup.

Sesuatu isirumah boleh terdiri daripada seorang isirumah sahaja atau beramai-ramai orang isirumah. Orang-orang di dalam isirumah itu mungkin bersaudara atau tidak bersaudara.

Biasanya sesebuah Tempat Kediaman hanya mengandungi satu isirumah sahaja. Bagaimanapun tidaklah hairan jika didapati Tempat Kediaman didiami oleh lebih daripada satu isirumah. Ini selalunya berlaku di kawasan-kawasan bandar di mana isirumah-isirumah terpaksa berkongsi sesebuah Tempat Kediaman disebabkan oleh desakan tempat.

3.2 *MASAALAH-MASAALAH MENGENALI TEMPAT-TEMPAT KEDIAMAN DAN ISIRUMAH*

Marilah kita perhatikan beberapa masalah am dalam mengenali Tempat-tempat Kediaman dan isirumah.

- (a) Adalah biasa didapati sesebuah rumah berasingan yang besar diduduki oleh sebilangan isirumah. Tiap-tiap satu isirumah menduduki satu atau dua buah bilik di dalam rumah.

Dalam kes ini, seluruh rumah itu akan disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman. Oleh kerana tiap-tiap sebuah bilik itu tidak bebas dan berasingan, maka ia tidaklah boleh disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan.

- (b)(i) Sebuah rumah berasingan mungkin telah disambungkan dalam cara yang susah diperhatikan dimanakah bahagian rumah asal dan di mana bahagian sambungannya. Adakah sambungan-sambungan ini disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan atau adakah seluruh struktur itu disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman?

- (b)(ii) Sebuah rumah berasingan mungkin telah dibahagi-bahagikan. Pembahagian-pembahagian ini mungkin dibuat di bahagian belakang rumah dan kelihatan di mana bahagian-bahagian rumah itu telah diasingkan. Adakah pembahagian-pembahagian ini disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan atau adakah seluruh struktur itu disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman?

Dalam kedua-kedua kes (b)(i) dan (b)(ii), sekiranya sambungan-sambungan dan pembahagian-pembahagian diasingkan dan bebas dari segi struktur serta diduduki oleh isirumah-isirumah yang berasingan, maka ia hendaklah disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan. Bagaimanapun, jika sambungan-sambungan dan pembahagian-pembahagian adalah berasingan dan bebas serta diduduki oleh ahli-ahli isirumah yang sama di dalam rumah berasingan itu, maka ia akan dikira sebagai bilik di dalam Tempat Kediaman.

- (c) Anda mungkin mendapati bahawa di dalam sebuah kedai, seorang lelaki tidur di atas katil kanvas pada tiap-tiap malam di satu ruang lapang atau pemilik kedai dan anak-anaknya tidur di dalam bilik-bilik dibelakang kedai. Adakah ruang lapang dan bilik-bilik disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman atau Tempat Kediaman yang berasingan? Berapakah isirumah didalamnya?

Dalam kes ini, bilik-bilik dan ruang di belakang kedai akan disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman.

Sekiranya orang lelaki itu makan bersama-sama dengan pemilik kedai dan anak-anaknya, maka orang lelaki ini, pemilik kedai dan anak-anaknya akan membentuk satu isirumah. Akan tetapi, sekiranya orang itu mempunyai peraturan makan yang berasingan, catitkannya sebagai satu isirumah yang berasingan. Pemilik kedai dan anak-anaknya akan membentuk satu lagi isirumah yang lain.

- (d) Rumah-rumah orang gaji seringkali dianggap sebagai sebahagian dari Tempat Kediaman yang utama. Beberapa orang gaji di Rumah Kerajaan mungkin berasingan dan bebas tetapi memandangkan bilangannya begitu kecil, bagi maksud Banci, mereka akan dianggap sebagai sebahagian dari Tempat Kediaman utama. Sekiranya orang gaji mempunyai peraturan makan yang berasingan, mereka akan membentuk isirumah-isirumah yang berasingan.
- (e)(i) Rumah-rumah di kawasan hotel, asrama, hospital, rumah rehat, khemah tentera, penjara dan kem-kem tahanan akan dikenali dan disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan. Misalnya, jika di kawasan sebuah hotel, terdapat sebuah rumah yang berasingan yang diduduki oleh Pengurus Hotel dan keluarganya, rumah itu akan disenaraikan sebagai satu Tempat Kediaman yang lain.
- (e)(ii) Apartment dan bilek-bilek tersendiri yang diduduki oleh kakitangan hotel dalam bangunan hotel hendaklah disenaraikan sebagai Tempat Kediaman yang berasingan sekiranya ia mempunyai jalan masuk terus ke jalanraya atau ke satu kawasan am di dalam bangunan itu. Kakitangan hotel akan membentuk isirumah-isirumah yang berasingan jika mereka mempunyai peraturan makan masing-masing.
- (f) Di kawasan-kawasan bandar, sebilangan orang tiada mempunyai rumah. Mereka hanya tidur di luar. Sekiranya isirumah itu menduduki sesuatu ruang kediaman yang dikenali, anda hendaklah menyenaraikan ruang itu sebagai Tempat Kediaman. Ruang kediaman akan mengandungi perabut, periuk-periuk masak, atau lain-lain alat isirumah. Contoh satu ruang kediaman tersebut adalah diberi dalam gambar foto (Rajah 18) dalam Lampiran.
- (g) Rumah-rumah yang kosong mesti disenaraikan sebagai Tempat Kediaman.
- (h) Disebabkan Banci adalah dilaksanakan pada 2 peringkat, masalah-masalah mungkin bangkit bagi Tempat-tempat Kediaman yang separuh siap. Pada Peringkat Pertama, jika ia sedang dibina tetapi diduduki (misalnya oleh pekerja-pekerja), anda mesti menyenaraikannya sebagai Tempat Kediaman. Akan tetapi, jika rumah-rumah yang sedang dibina itu tidak diduduki pada Peringkat Pertama, anda hendaklah bertanya kepada pekerja-pekerja ataupun dengan menggunakan pemerhatian anda, samada rumah-rumah itu akan siap dibina dan diduduki pada Peringkat Kedua. Jika ia akan diduduki pada Peringkat Kedua anda perlu menyenaraikannya. Di-runagan catitan di mukasurat-mukasurat yang bernombor genap dalam Buku Penyenaraian Rumah, tuliskan satu catitan bahawa Tempat Kediaman itu akan siap pada Peringkat Kedua.

Nota:

Sila juga merujuk kepada *Bukukerja Latihan Peringkat Pertama atau Borang 9* yang menerangkan beberapa lagi masalah Tempat Kediaman dan Isirumah.

3.3 PENYENARAIAN

Sepertimana yang telah diingatkan tadi setelah anda mengenali sempadan-sempadan BP anda, anda mesti menyenaraikan semua Tempat Kediaman dan isirumah serta mendapatkan satu pengiraan diatas orang-orang dalam BP anda. Penyaraian memerlukan anda:-

- (a) Menentukan dan melawat semua Tempat Kediaman dalam BP anda;
- (b) Memberi satu nombor Tempat Kediaman kepada tiap-tiap Tempat Kediaman yang disenaraikan;
- (c) Mengisi dan melekatkan satu Kad Penyenaraian (Borang 11) bagi tiap-tiap satu Tempat Kediaman; dan
- (d) Merekodkan alamat-alamat dan lain-lain butir mengenai Tempat Kediaman dan isirumah di atas mukasurat-mukasurat yang bernombor genap dalam Buku Penyenaraian Rumah atau Borang 2. Juga dapatkan dan catitkan satu pengiraan di atas orang-orang bagi tiap-tiap satu isirumah dalam Buku Penyenaraian Rumah anda.

Kerja-kerja ini adalah dibincangkan di bawah:

kerja berkenaan dengan (a) adalah dibincangkan di dalam Bahagian 3.3 (a);

kerja berkenaan dengan (b) adalah dibincangkan di dalam Bahagian 3.3 (b);

kerja berkenaan dengan (c) adalah dibincangkan di dalam Bahagian 3.3 (c); dan


kerja berkenaan dengan (d) adalah dibincangkan di dalam Bahagian 3.3 (d) dan Bahagian 4.

3.3(a) Menentukan dan Melawat Tempat Kediaman

Adalah penting bagi anda menentukan dan melawat semua Tempat Kediaman di dalam BP anda kerana anda dikehendaki mengira semua Tempat Kediaman ini bagi Banci Perumahan dan juga dikehendaki mengira semua orang yang tinggal atau tidur di dalam Tempat-tempat Kediaman ini bagi Banci Penduduk.

Untuk menentukan bahawa anda tidak tertinggal Tempat-tempat Kediaman di dalam BP anda, adalah penting anda mempunyai sistem penyenaraian yang baik. Satu cara ialah membahagikan BP anda kepada beberapa bahagian mengikut bentuk mukabumi semula jadi (misalnya sungai) atau bentuk mukabumi buatan manusia (seperti jalan, lorong kecil atau landasan keretapi). Senaraikan tiap-tiap bahagian mengikut arah yang tertentu samada mengikut arah “clockwise” atau “anti-clockwise”. Sekiranya anda menyenaraikan BP anda mengikut arah “clockwise”, maka semua Tempat Kediaman di sebelah kanan sempadan BP anda mesti disenaraikan. Sebaliknya, jika anda membuat penyenaraian mengikut arah “anti-clockwise”, anda mesti menyenaraikan semua Tempat Kediaman di sebelah kiri sempadan BP anda. (Sila lihat ilustrasi di Rajah 1 yang berikut).

RAJAH 1 – BP 1



- Nota:
- (i) BP 1 disempadankan oleh Jalan 1, Jalan A, Jalan 3 dan Jalan B dan dibahagikan kepada 2 Bahagian.
 - (ii) Tanda anak panah (↑) menunjukkan arah bergerak.
 - (iii) TK 1 (Ah Chong) bukan dalam BP 1 tetapi TK 2 (Yunus) dan TK 10 (Ahmad) adalah dalam BP 1.

Apabila membuat penyenaraian, sila ambil perhatian terhadap perkara-perkara yang berikut:-

- (a) Apabila membuat penyenaraian dalam kawasan BP anda, anda mesti jalan di sepanjang semua lorang kecil lorong kaki, sungai-sungai dan landasan keretapi serta menyenaraikan semua Tempat Kediaman yang ada di kedua-dua belah bentuk mukabumi ini.
- (b) Anda perlu mencari Tempat-tempat Kediaman yang *tersembunyi* seperti di belakang setor, garaj dan rumah yang lain.
- (c) Anda juga perlu bertanya kepada penduduk-penduduk tempatan samada terdapat apa-apa Tempat Kediaman di kawasan-kawasan yang kelihatan tidak diduduki oleh orang.
- (d) Amatlah mudah bagi anda melupakan atau tidak melihat sambungan-sambungan dan pembahagian-pembahagian di belakang rumah. Jika anda berdiri di hadapan sebuah rumah dan bercakap dengan seorang penghuni lelaki di rumah yang utama, ada kemungkinan beliau tidak akan memberitahu anda mengenai isirumah-isirumah yang lain. Beliau mungkin keberatan mendapat tahu tentang hal mereka. Oleh itu, anda mesti berjalan di sekitar struktur dan betul-betul memerhatikannya. Sekiranya anda tidak membuat demikian, anda akan dengan mudahnya tertinggal mengira bilangan penduduk yang agak besar di dalam BP anda.

- (e) Anda akan mendapati bahawa di dalam peta lakar BP anda dan Borang keterangan Sempadan M3 nama-nama kampung adalah diberikan. Anda mesti melawat semua kampung ini melainkan jika telah disahkan bahawa ia tidak terletak di dalam BP anda. Apabila membuat penyenaraian di sesebuah kampung, kadang-kadang anda mudah terlupa arahnya. Jika demikian, dapatkanlah nasihat Ketua Kampung.

Senarai kampung-kampung yang diberikan kepada anda mungkin tidak lengkap. Ketua Kampung mungkin dapat menunjukkan lain-lain kampung yang tidak didapati dalam senarai anda. Anda mesti menyenaraikan kesemua Tempat-tempat Kediaman di dalam kampung baru.

Nota Khas Bagi Sabah dan Sarawak Sahaja:

Jika BP anda terletak di kawasan luar bandar, anda mesti menyenaraikan Tempat-tempat Kediaman mengikut lokaliti. Misalnya, jika terdapat tiga lokaliti dalam BP anda, anda mesti menyenaraikan semua Tempat Kediaman di dalam lokaliti pertama sebelum beralih ke lokaliti yang kedua dan ketiga.

Bagi tiap-tiap satu BP luar bandar, anda akan disediakan satu senarai lokaliti-lokaliti. Anda mesti terlebih dahulu menyemak senarai lokaliti-lokaliti sebelum menyenaraikan Tempat-tempat Kediaman mengikut lokaliti. Mungkin terdapat satu lokaliti baru semasa penyenaraian. Pastikan bahawa anda menyenaraikan Tempat-tempat Kediaman dalam lokaliti yang baru ini. Di kulit depan Buku Penyenaraian Rumah, tuliskan nama lokaliti baru.

Di *Sarawak* anda dikehendaki menyediakan satu peta lakar BP anda sekiranya anda tidak mempunyainya.

3.3(b) Memberi Nombor Tempat Kediaman

Anda dikehendaki memberi nombor kepada setiap Tempat Kediaman di dalam BP anda. Apabila memberi nombor Tempat Kediaman anda mesti mengambil nombor berikutnya dari ruangan 1 di mukasurat yang bernombor genap dalam Buku Penyenaraian Rumah.

3.3(c) Mengisi dan Melekat Kad Penyenaraian

Kemudian anda mesti mengisi di bahagian depan dan belakang Kad Penyenaraian bagi tiap-tiap sebuah Tempat Kediaman yang disenaraikan. Mungkin adalah lebih mudah untuk mengisi perkara 1 (Negeri), perkara 2 (Daerah Pentadbiran), perkara 3 (Daerah Banci), perkara 4 (Nombor Lingkungan), perkara 5 (Nombor BP) dan perkara 6 (Lokaliti bagi Sabah dan Sarawak sahaja) pada Kad Penyenaraian di rumah sebelum memulakan kerja penyenaraian di atas Tempat-tempat Kediaman. Perkara 7 (Nombor Tempat Kediaman) boleh diisi semasa peringkat penyenaraian.

Selepas mengisi Kad Penyenaraian, lekatkannya dengan sebatang paku (thumb tack) di Tempat Kediaman itu. Semasa melekatkan Kad Penyenaraian, anda mesti memastikan bahawa:-

- (a) Kad itu dilekat di satu tempat yang jelas kelihatan oleh orang dan juga dilindungi cuaca misalnya pintu Tempat Kediaman;
- (b) Kad itu tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak;
- (c) Apabila melakatkan kad, jagalah supaya tidak merosakkan Tempat Kediaman itu dalam apa cara pun; dan
- (d) Cuba terangkan kepada tuan isirumah bahawa kad ini amat penting bagi maksud pengenalan dan anda juga mesti meminta beliau supaya tidak mencabut kad itu.

3.3(d) Mengisi dalam Buku Penyenaraian Rumah

Ini adalah diterangkan dalam Bahagian 4.

BAHAGIAN 4 : MENGISI BUKU PENYENARAIAAN RUMAH

– PERINGKAT PERTAMA

TUJUAN BORANG 1

Anda dikehendaki menggunakan Buku Penyenaraian Rumah (BPR) untuk menyenaraikan semua Tempat Kediaman (TK), Isirumah-Isirumah dan Orang-Orang dalam Blok Penghitungan (BP) anda.

BPR akan digunakan dua kali semasa dua peringkat kerja penghitungan yang berasingan. Semasa kerja penghitungan Peringkat Pertama, anda dikehendaki mengisi dalam mukasurat-mukasurat yang bertajuk Peringkat Pertama – Banci Perumahan (yang terdapat dalam mukasurat bernombor genap). Semasa kerja penghitungan pada Peringkat Kedua pula, anda akan menggunakan BPR sekali lagi. Kali ini anda hanya mengisi dalam mukasurat-mukasurat yang bertajuk Peringkat Kedua – Banci Penduduk, (yang terdapat dalam mukasurat bernombor ganjil).

MENGISI BUKU PENYENARAIAAN RUMAH – PERINGKAT PERTAMA

Semasa Latihan Peringkat Pertama, anda akan diarahkan oleh Penyelia anda supaya memenuhi butir-butir dimukasurat 1, dikotak sebelah kiri bertajuk “Untuk Diisikan Oleh Penghitung”. Anda dikehendaki menyalin butir-butir daripada kulit luar Buku Penyenaraian Rumah ini.

Semasa penghitungan Peringkat Pertama anda dikehendaki mengisikan butir-butir dalam mukasurat, bernombor ganjil yang bertajuk “Peringkat Pertama – Banci Perumahan”. Anda dikehendaki mengisikan butir-butir berikut.

Ruangan (1) – No. T. K.

Ruangan ini menunjukkan nombor Tempat Kediaman. Semasa membuat penyenaraian, anda hendaklah menggunakan nombor yang berikutnya. Nombor ini akan anda tuliskan dalam ruangan yang diberikan bagi perkara 7 dalam kad penyenaraian (Borang 11), berbetulan dengan Alamat/Lokaliti bagi Tempat Kediaman yang disenaraikan dalam Buku Penyenaraian Rumah itu.

Jika anda terpaksa memotong sesuatu maklumat, anda hendaklah membuat satu garisan ke atas maklumat itu dan tuliskan *dibatalkan* di dalam ruangan catitan.

Ruangan (2) – Kod Jenis T. K.

Anda hendaklah melengkapkan ruangan ini sebagai sebahagian dari kerja rumah anda (lihat Bahagian 6 untuk butir-butir lanjut).

Ruangan (3) – Tanda (✓) Jika Kad Dilekat

Anda hendaklah menandakan (✓) diruangan 3 apabila Kad Penyenaraian (Borang 11) telah dilekatkan di Tempat Kediaman itu.

Ruangan (4) – Alamat/Lokaliti

Tulis alamat dengan seberapa penuh yang boleh. Jika terdapat nombor rumah tersebut, sila catitkan nombor ini diruangan yang disediakan sebelum garisan bertitik. Biasanya anda hanya dapat mencatatkan nama kampung atau pekan atau nama-nama tempatan yang umum saja. Anda hendaklah menuliskan Alamat/Lokaliti yang penuh bagi setiap Tempat Kediaman.

Ruangan (5) – Didiami atau Kosong

Anda hendaklah mencatatkan disini samaada Tempat Kediaman itu didiami atau kosong. Anda hendaklah menandakan (✓) pada salah satu ruangan yang disediakan. Sekiranya Tempat Kediaman itu didiami, anda hendaklah menandakan pada ruangan, “Tanda (✓), Jika Didiami” dan mengosongkan ruangan disebelahnya. Jika Tempat Kediaman itu kosong, anda hendaklah menandakan diruangan “Tanda (✓) Jika Kosong” dan mengosongkan ruangan disebelahnya. Hanya satu ruangan saja yang patut ditunjukkan dengan tanda (✓) itu.

Adalah penting diingatkan bahawa sesuatu Tempat Kediaman yang penghuni-penghuninya tidak ada dirumah (kerana pergi kerja atau sebab-sebab yang lain), atau tidak berada dirumah buat sementara jangan sekali-kali ditandakan sebagai kosong. Sebaliknya satu lawatan semula hendaklah dibuat dengan mengisikan kad lawatan semula (Borang 12) dan mengisikan ruangan (11) dalam Buku Penyenaraian Rumah. Sekiranya selepas membuat tiga lawatan semula, tidak juga didapati seorang dewasa atau anak muda dirumah itu, anda hendaklah mengisikan Borang 2 dengan mendapatkan apa-apa maklumat yang dapat diberikan oleh jiran-jiran atau ketua kampung disitu.

Sesuatu Tempat Kediaman itu, boleh ditandakan sebagai kosong hanya selepas dipastikan dengan sebenar-benarnya dari jiran-jiran yang Tempat Kediaman itu tidak didiami oleh sesiapa pun. Sekiranya Tempat Kediaman itu benar-benar kosong anda hendaklah mengosongkan ruangan (6) hingga (11).

Ruangan (6) – Nombor Isirumah

Ruangan ini menunjukkan nombor isirumah. Empat garisan telah disediakan untuk tiap-tiap Tempat Kediaman. Jika terdapat lebih daripada empat isirumah dalam Tempat Kediaman itu, anda hendaklah menggunakan garisan-garisan yang dikhaskan di bawah mukasurat itu, di bawah tajuk **LEBIHAN**. Sekiranya tidak mencukupi bolehlah digunakan mukasurat berikutnya untuk *Peringkat Pertama – Banci Perumahan* diruangan **LEBIHAN** juga.

Ruangan (7) – Nama Ketua Isirumah

Ruangan ini adalah untuk mencatatkan nama Ketua Isirumah.

Ruangan (8) – Bilangan Penduduk Malam Tadi

Anda hendaklah mencatatkan disini bilangan lelaki, perempuan dan jumlah orang-orang dalam setiap isirumah. Semasa temuramah dengan isirumah itu, anda hendaklah bertanya berapa orangkah tidur di Tempat Kediaman itu, sebagai sebahagian dari isirumah pada malam tadi.

Ruangan (9) – Tanda (✓) Jika Borang 2 Telah Düsi

Pada peringkat ini dalam termuramah anda, anda hendaklah mengisikan Borang 2. Selepas Borang 2 itu diisi anda hendaklah menandakan (✓) diruangan (9).

Ruangan (10) – Bahasa Temuduga

Anda hendaklah mencatatkan disini bahasa yang telah digunakan untuk temuramah ini.

Ruangan (11) – Lawatan Semula

Ruangan ini ialah untuk mencatatkan tarikh lawatan-lawatan semula anda. Anda hendaklah mencatatkan diruangan tarikh disiapkan selepas anda menyudahkan kerja temuramah anda itu setelah membuat lawatan semula.

Ruangan (12) – Catitan

Ruangan ini adalah untuk membuat catitan. Maklumat-maklumat yang dikira berguna untuk Peringkat Kedua patutlah dicatitkan disini. Sekiranya tidak cukup ruangan, anda bolehlah menggunakan muka surat 68 Buku Penyenaraian Rumah ini untuk mencatatkan butir-butir tambahan itu.

Pengiraan Bilangan Borang-Borang – (Mukasurat 1)

Selepas menyelesaikan penghitungan Peringkat Pertama anda hendaklah mengisikan butir-butir seperti dikehendaki bagi Borang 2.

Ringkasan Jumlah-Jumlah Dimukasurat – (Mukasurat 64)

Sebagai sebahagian kerja rumah anda, anda hendaklah mengisikan butir-butir pada mukasurat 64 selepas anda menyiapkan penghitungan Peringkat Pertama. (Ini akan dijelaskan lebih lanjut lagi dalam Bahagian 6 dalam Buku Panduan ini).

INGATAN: Sekiranya sesuatu BP itu mempunyai lebih dari satu Buku Penyenaraian Rumah, anda hendaklah menyediakan ringkasan ini pada buku pertama sahaja. Ringkasan itu hendaklah memasukan juga butir-butir yang terdapat dalam Buku Penyenaraian Rumah yang lain bagi BP itu. Untuk mendapatkan ringkasan bagi jumlah Tempat Kediaman, *Nombor akhir Tempat Kediaman yang digunakan di Buku Penyenaraian Rumah* tidak boleh digunakan. Sebaliknya jumlah Tempat Kediaman di tiap-tiap Buku Penyenaraian Rumah bagi BP itu hendaklah diperolehi dahulu dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah kesemua Tempat Kediaman di BP tersebut. Begitu jugalah dilakukan untuk mendapatkan jumlah-jumlah T.K. kosong, kemasukan yang dibatalkan, isirumah, lelaki, perempuan, dan jumlah penduduk.

Pengakuan Penghitung – (Mukasurat 66)

Selepas menyelesaikan penghitungan Peringkat Pertama dan sebelum anda menyerahkan buku ini dan borang-borang yang lain kepada Penyelia, anda hendaklah menandatangani pengakuan ini dan menuliskan tarikhnya dibahagian kiri mukasurat 66 Buku Penyenaraian Rumah ini. Diruangan kanannya adalah Pengakuan untuk Penyelia.

Dengan ini, telah selesailah kerja anda mengisikan Buku Penyenaraian Rumah untuk Peringkat Pertama.

BAHAGIAN 5 : JADUAL TEMPAT KEDIAMAN (BORANG 2)

TUJUAN BORANG 2

Anda dikehendaki menggunakan borang ini untuk mengumpulkan maklumat mengenai Tempat-Tempat Kediaman.

BILA DIKEHENDAKI MENGISI BORANG 2

Setelah anda memberi nombor kepada Tempat Kediaman itu dan mencatatkannya di dalam Buku Penyenaraian Rumah anda hendaklah mengisi Borang 2.

Tidak kesemua soalan-soalan di Borang 2 perlu dijawab semasa temuduga. Soalan-soalan 1–8 hendaklah diisikan sebagai sebahagian dari kerjarumah anda, selepas anda selesai membuat kerja di hari itu.

Bagi setengah-tengah soalan adalah tidak perlu ditanyakan kepada Ketua Isirumah itu. Soalan-soalan 9 dan 11–20 boleh diisikan dari pemerhatian anda ke atas Tempat-Tempat Kediaman itu.

Untuk Soalan-soalan 10 dan 21–40, anda perlu menanyakan kepada orang yang bertanggungjawab yang mendiami Tempat-Tempat Kediaman itu (misalnya, ketua isirumah, isteri dsbnya).

BAGAIMANA HENDAK MENANDAKAN BORANG ITU

Anda akan perhatikan bahawa bagi kebanyakan soalan-soalan dalam Borang 2, anda dikehendaki membuat tanda pensil di dalam satu kotak. Adalah amat mustahak bagi tanda-tanda yang anda buat itu adalah kemas dan terang. Jika tanda-tanda itu tidak di buat dengan baik, borang-borang anda tidak akan dapat dibaca oleh komputer di Kuala Lumpur.

Untuk menentukan bahawa tanda-tanda yang anda buat adalah terang, anda hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang berikut:-

- (i) Sebelum membuat sebarang tanda di borang itu, anda hendaklah meletakkan borang itu diatas penutup fail kotak hijau anda, dan kepitkan dengan kelip. Ini akan memberikan anda pengalas yang kukuh yang diperlukan.
- (ii) Pensil anda hendaklah ditajamkan dengan tetul.
- (iii) Semasa menandakan satu-satu kotak, anda hendaklah membuat tanda pensil yang tebal dan hitam. Beberapa gerakan pensil adalah mencukupi.
- (iv) Anda hendaklah menanda dengan cermat. *Jangan* menggariskan tanda pensil itu dengan gopoh didalam kawasan am kotak itu.
- (v) Janganlah memanjangkan tanda itu hingga termasuk ke dalam kotak yang di sebelahnya kerana kelalaian.
- (vi) Sekiranya anda membuat kesilapan dan menanda kotak yang salah, anda hendaklah memadamkan tanda itu dengan menggunakan pemadam yang diberikan. *Janganlah* hanya memotong tanda itu sahaja. Ianya *mestilah* dipadamkan kemudian baharulah kotak yang betul ditandakan.
- (vii) Selepas anda melengkapkan satu-satu borang, keluarkanlah dengan cermat dari kelip itu dan simpanlah di dalam fail kotak hijau. *Berhati-hatilah* supaya anda tidak merosak atau mengoyakkan bahagian atas borang itu apabila mengeluarkannya dari kelip itu.

ARAHAN 'PERGI'

Beberapa kotak dan soalan di Borang 2 mempunyai arahan yang berbunyi '(Pergi ke)'. Tujuan arahan ini ialah untuk menahan anda dari menanyakan soalan-soalan yang tidak perlu.

Arahan 'Pergi' mungkin ditujukan kepada satu kotak tertentu atau kepada satu soalan yang tertentu. Apabila ia ditujukan kepada satu kotak tertentu, ianya bermakna bahawa setelah anda menandakan kotak itu, anda hendaklah beralih dengan segera kepada soalan yang dinyatakan dalam arahan 'Pergi'. Jika, untuk misalan, anda sedang menghitung sebuah hotel, anda akan menandakan kotak 'Dibina atau diubah untuk kediaman dan/atau tidur' dalam Soalan 11. Kotak ini mempunyai arahan '(Pergi ke 13)' di bawahnya. Setelah menandakan kotak berkenaan dalam Soalan 11, anda kemudian tidak mengindahkan Soalan 12 dan terus pergi ke Soalan 13. Di Soalan 13, anda akan menandakan kategori 'Tempat Kediaman Beramai-ramai'. Ini mempunyai arahan yang berbunyi '(Pergi ke 15)'. Selepas menandakan kotak 'Tempat Kediaman Beramai-ramai' di dalam Soalan 13, anda kemudian tidak mengindahkan Soalan 14 dan terus pergi ke Soalan 15. Ini adalah menasabah sekiranya anda teliti Soalan 14. Tidak terdapat kategori-kategori di dalam Soalan 14 yang ditujukan kepada hotel. Adalah Soalan 15 yang mempunyai kategori hotel.

ARAHAN '↓'

Arahan ini ditujukan kepada kotak yang tertentu dalam satu soalan. Tujuannya ialah untuk mengarahkan anda supaya pergi ke soalan yang berikut selepas anda menandakan kotak itu. Tetapi soalan yang berikut tidak berkaitan dengan kotak-kotak yang lain di dalam soalan itu, dan anda mestilah mengikut arahan 'Pergi' itu. Misalnya, kotak 'Letrik' dalam Soalan 27 mempunyai arahan '↓'. Selepas menandakan kotak ini, anda mestilah pergi ke Soalan 28. Akan tetapi, jika anda menanda 'Lampu pam/Gas' atau 'Lampu minyak' atau 'Lain-lain', anda mesti mengikut arahan pergi itu.

ARAHAN 'TAMAT'

Arahan ini mungkin ditujukan kepada satu kotak tertentu atau kepada satu soalan tertentu. Maksudnya ialah untuk mengarah anda menamatkan temuduga setelah kotak berkenaan atau soalan berkenaan telah ditandakan.

Anda hendaklah beralih ke tempat kediaman berikutnya dan soalan-soalan yang berikut dibiarkan kosong.

Sekiranya tiada arahan 'Pergi' atau arahan 'Tamat', anda hendaklah meneruskan ke soalan yang berikutnya. Misalnya, Soalan 18 tiada mempunyai arahan 'Pergi'. Setelah menandakan kategori yang berkenaan dalam Soalan 18, anda hendaklah pergi ke Soalan 19.

1. Negeri				
2. Daerah Pentadbiran				
3. Daerah Banci				
4. Nombor Lingkungan				
5. Nombor Blok Penghitungan				

SOALAN-SOALAN 1-5

Blok penghitungan anda boleh dikenali dari satu set kod-kod. Kod-kod ini boleh difahami oleh komputer di Kuala Lumpur. Adalah amat penting bagi tiap-tiap borang yang anda gunakan, anda memastikan bahawa kod-kod itu ditulis dalam Soalan-soalan 1-5.

Berbeza dari nombor Tempat Kediaman (Soalan 9), kod-kod ini akan sentiasa sama bagi tiap-tiap borang yang anda gunakan. Oleh itu, untuk menjimatkan masa adalah difikirkan baik jika anda isikan Soalan-soalan 1-5 selepas anda selesai membuat kerja untuk hari itu.

Kod-kod ini dengan mudah boleh dibaca dari kulit hadapan Buku Penyenaraian Rumah anda.

6. Alamat/Lokaliti (Sabah dan Sarawak)

7. Bilangan Isirumah di dalam Tempat Kediaman ini.

(Lihat Ruangan 6 dalam Buku Penyenaraian Rumah)

[Tandakan kotak berkenaan di bawah]

8. Bilangan Penduduk di dalam Tempat Kediaman ini.

(Lihat Ruangan 8 dalam Buku Penyenaraian Rumah)

Lelaki	Perempuan	Jumlah
		<div>r</div> <div>p</div> <div>y</div>

[Tandakan kotak-kotak berkenaan di bawah]

SOALAN-SOALAN 6–8

Maklumat-maklumat untuk Soalan-soalan 6–8 hendaklah didapati dari ruangan-ruangan yang tertentu di dalam Buku Penyenaraian Rumah. Anda hendaklah mengisi maklumat ini di rumah, selepas anda selesai membuat kerja untuk hari itu (atau sertamerta sebelum anda memulakan kerja untuk hari esoknya).

Tuliskan maklumat itu dari Buku Penyenaraian Rumah ke dalam ruang-ruang yang disediakan dan kemudian tandakan maklumat-maklumat dalam Soalan-soalan 7 dan 8 ke dalam kotak-kotak yang ditunjukkan di bawah borang.

Untuk Tempat-Tempat Kediaman yang kosong, isikan Soalan-soalan 7 dan 8 dengan tanda sempang (–). Tandakan ‘0’ bagi ‘Bilangan Isirumah’ dan tanda ‘000’ bagi ‘Jumlah Penghuni’ di dalam kotak-kotak yang ditunjukkan di bawah borang.

Tandakan bilangan Isirumah di sini
(Soalan 7)

0123456789

10111213141516171819+

r

0123456789

p

0123456789

y

0123456789

Soalan-soalan 1–8 hendaklah dilengkapkan setelah kerja penghitungan selesai untuk hari itu.

SOALAN 9

MULAKAN TEMUDUGA DI SINI

9. Nombor Tempat Kediaman:

r

p

y

0123456789

p

0123456789

y

0123456789

Soalan 9 adalah perkara yang pertama dimana maklumatnya akan direkodkan kedalam Borang 2 dimasa kerja penghitungan yang sebenarnya.

15

Nombor itu diperolehi dari ruangan 1 dalam Buku Penyenaraian Rumah. Anda hendaklah menulis nombor itu ke dalam ruangan di sebelah kiri dan kemudian tandakan nombor itu ke dalam kotak-kotak yang berkenaan. Adalah mustahak anda merekodkan nombor Tempat Kediaman itu dengan betul di atas borang itu.

SOALAN 10

10. Kumpulan keturunan, komuniti atau loghat ketua isirumah.

	p	y								
	0	1	2	3						
p										
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9
y										

Istilah 'Kumpulan Keturunan' merujuk kepada sekumpulan orang yang terikat bersama dengan persamaan hubungan-hubungan seperti bahasa, agama, adat resam dan sebagainya. Secara am terima jawapan yang diberi, kecuali jika benar-benar dianggap mustahil. Pilihlah kod yang sesuai dari Kad Kod Kumpulan Keturunan [Borang 58 (a)/58 (b)/58 (c)].

Tuliskan kod di ruangan yang disediakan dan kemudian tandakan kod itu di kotak-kotak kod.

Kad Kod Kumpulan Keturunan, iaitu, Borang 58(a), 58(b) dan 58(c), masing-masing menyenaraikan berbagai-bagai kumpulan keturunan-kecil di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Bagi orang-orang yang keturunannya bercampur, anda mesti menggalakkan mereka membuat satu pilihan dengan menyuruh mereka menganggap dari kumpulan keturunan manakah mereka mengikuti bahasa, agama, adat resam dan sebagainya.

Untuk membantu anda mengekodkan kumpulan keturunan kecil orang-orang China, tulisan-tulisan dalam Bahasa China bagi berbagai-bagai kumpulan ada ditunjukkan dalam Borang 58(a), (b) dan (c). Sekiranya anda menghadapi kesulitan, tunjukkan kepada orang itu Kad Kod Kumpulan Keturunan dan mintalah beliau memilih kumpulan yang betul

Arahan-arahan berikut adalah bagi beberapa kes-kes kesulitan yang mungkin timbul semasa perjalanan kerja anda:-

1. Orang-orang yang melapurkan diri sebagai orang Jawa, Boyan, Bugis dan sebagainya hendaklah dikelaskan sebagai Indonesia.
2. Bukan kesemua orang peranakan Indonesia melapurkan diri sebagai orang Melayu. Ramai diantara mereka menganggap diri mereka sebagai orang Indonesia dan hendaklah dicatatkan sedemikian.
3. Orang-orang Nepal dan Gurkha hendaklah dicatatkan sebagai 'Lain-Lain Orang Asia'.
4. 'Lain-Lain Orang Asia' juga dirujuk kepada lain-lain kumpulan keturunan Asia yang tidak ditunjukkan secara berasingan dalam senarai itu.
5. Orang-orang China dilahirkan di negeri selat (Baba-Baba) akan dikelaskan dimana sahaja kumpulan loghat mereka mengenali diri mereka. Jika mereka tidak dapat berbuat demikian, mereka akan dikelaskan di bawah 'Lain-Lain Orang China'.
6. 'Orang-Orang Eropah' juga termasuk orang Australia dan New Zealand.

7. Kategori 'Lain-Lain' adalah untuk mereka yang tidak dapat disesuaikan ke dalam mana-mana kod yang telah ditetapkan.

Tambahan kepada arahan-arahan di atas, anda hendaklah mengikuti arahan-arahan di bawah, mengikut Kad Kod Kumpulan Keturunan anda.

Di Semenanjung Malaysia, Borang 58(a)

1. Orang-orang yang melaporkan diri sebagai salah satu dari kumpulan-kumpulan orang asli Sabah dan Sarawak, hendaklah dikodkan sebagai 'Lain-Lain Orang Melayu' (Kod 9).
2. Kategori 'Lain-Lain Orang Asli' merujuk kepada Orang Asli/Suku di Semenanjung Malaysia selain daripada yang disenaraikan (Kod-kod 03–07).
3. Jika seseorang menjawab 'Orang Ceylon' (atau 'Orang Sri Lanka') sahkan samada mereka 'Sri Lanka Tamil', atau 'Lain-Lain Orang Sri Lanka'. Jangan memasukkan 'Sri Lanka Tamil' sebagai 'Orang India Tamil'. Dalam lain-lain perkataan, jika jawapan responden ialah hanya Tamil, tanyakan responden samada Orang India Tamil atau Sri Lanka Tamil.
4. Jangan memasukkan orang-orang Pakistan sebagai 'Lain-Lain Orang India'. Ada satu kategori berasingan 'Pakistan' yang dirujuk kepada 'Orang Pakistan Barat'. Oleh itu, jika jawapan hanya 'Orang Pakistan', tanyakan samada 'Orang Pakistan Timur' atau 'Orang Pakistan Barat'. 'Orang Pakistan Timur' adalah dirujuk sebagai 'Orang Bangladesh', iaitu satu kategori berasingan dalam senarai itu.
5. Bukan semua orang-orang Punjabi adalah Orang Sikh. Sekiranya responden seorang Punjabi selain dari Orang Sikh, rekodkan ia sebagai 'Lain-Lain Orang India'.

Di Sabah, Borang 58(b)

1. Semua orang yang melaporkan diri sebagai salah satu dari kumpulan-kumpulan Orang Asli dan kategori-kategori yang disenaraikan, hendaklah diberikan kod '01' (Pri-Bumi).

Di Sarawak, Borang 58(c)

1. Kumpulan-kumpulan Orang Asli Sabah yang dihitung di Sarawak hendaklah dikelaskan di bawah "Lain-Lain Orang Asli" (Kod 12).
2. Di Sarawak kumpulan-kumpulan kecil Hokchiu dan Hokchia hendaklah dikodkan sebagai "Foochow", iaitu Kod 19.

Akan terdapat kes-kes dimana satu Tempat Kediaman didiami oleh beberapa isirumah. Jika ketua-ketua isirumah adalah kumpulan keturunan yang berlainan, anda perlu mengisi kod keturunan yang mempunyai bilangan besar daripada mereka. Jika tidak ada majoriti, iaitu, bilangan ketua isirumah adalah sama, isikan kumpulan keturunan yang mempunyai bilangan besar penghuni-penghuni. Sekiranya masih tidak ada majoriti yang jelas, terima sahaja jawapan responden itu.

Contoh I: Jika di Semenanjung Malaysia terdapat dua isirumah Orang India Tamil dan satu isirumah Orang Kantonese mendiami di dalam satu Tempat Kediaman, soalan ini akan dikodkan sebagai '20', iaitu Orang India Tamil.

Contoh II: Jika di Semenanjung Malaysia, terdapat satu isirumah Orang India Tamil yang mempunyai lima orang ahli dan satu isirumah Orang Kantonese yang mempunyai sepuluh orang ahli mendiami di dalam satu Tempat Kediaman, maka ia akan dikodkan sebagai '11' iaitu Kantonese.

JENIS TEMPAT KEDIAMAN

SOALAN 11–15

11. Dibina atau diubah untuk kediaman dan/atau tempat tidur

(Pergi ke 13)

Tidak bermaksud untuk kediaman/tempat tidur, tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan ini dalam Peringkat Pertama

Tidak bermaksud untuk kediaman/tempat tidur, tetapi kemungkinan digunakan untuk tujuan-tujuan ini dalam Peringkat Kedua

Dalam arahan-arahan ke atas penyenaraian Tempat-Tempat Kediaman, anda telah diterangkan mengenai berbagai-bagai jenis struktur utama yang perlu disenaraikan. Bagi Soalan-soalan 11–15, anda dikehendaki mengelaskan Tempat-Tempat Kediaman yang disenaraikan itu kepada beberapa jenis.

SOALAN 11

Anda dikehendaki menanda kotak yang berkenaan untuk menerangkan Tempat Kediaman yang disenaraikan oleh anda dalam Borang 1 (iaitu, Buku Penyenaraian Rumah). Berikut ialah keterangan bagi tiap-tiap satu kategori.

Dibina Atau Diubah Untuk Kediaman Dan/Atau Tempat Tidur

Di bawah kategori ini, tempat-tempat/struktur-struktur yang diduduki orang telah dibina khasnya untuk maksud-maksud kediaman dan tempat tidur, misalnya, rumah, rumah pangsa dan sebagainya. Struktur itu tidak semestinya amat besar atau sempurna dibina, akan tetapi ianya telah dibina supaya orang dapat tinggal dan tidur di dalamnya, misalnya, pondok gantian, pondok sementara, bilik dan sebagainya.

Beberapa tempat mungkin telah dibina untuk kedua-dua tujuan tinggal/tidur serta lain-lain maksud, misalnya, untuk perniagaan. Biasanya ruangan-ruangan yang digunakan untuk tinggal/tidur diasingkan dari lain-lain ruangan dengan sesuatu bentuk pembahagian-pembahagian atau dinding-dinding.

Beberapa Tempat Kediaman mungkin tidak pada asalnya sebagai tempat-tempat di mana orang tinggal dan tidur. Tetapi pada satu ketika ia telah diubah *strukturnya* untuk maksud itu. Perubahan itu mungkin dibuat dengan mengadakan pembahagian-pembahagian tambahan atau dinding-dinding untuk mendapatkan sedikit sebanyak *tersendirian (privacy)* ataupun ianya telah diubah dengan melengkapi kemudahan-kemudahan mandi, memasak atau tandas. Gua-gua yang telah diubah sedemikian hendaklah dimasukkan di bawah kategori ini.

Rumah-rumah yang separuh siap mungkin membangkitkan satu masalah. Dalam kes pertama, apabila didapati pekerja-pekerja pembinaan menduduki rumah-rumah yang separuh siap ini pada penghitungan Peringkat Pertama, Tempat-Tempat Kediaman ini mesti dikelaskan di bawah kategori ini. Dalam kes kedua, dimana bangunan-bangunan yang separuh siap didapati kosong semasa Peringkat Pertama, anda perlu bertanya kepada pekerja-pekerja samada yunit-yunit ini akan diduduki semasa Peringkat Kedua. Jika dijangka akan diduduki, ianya akan disenaraikan dalam Peringkat Pertama dan anda dikehendaki mencatatkan yunit-yunit tersebut di bawah kategori ini.

Sekiranya Tempat Kediaman telah dibina atau diubah untuk maksud-maksud kediaman atau tidur (iaitu untuk kediaman manusia) anda dikehendaki menandakan kategori ini dan pergi ke Soalan 13.

Tidak Bermaksud Untuk Kediaman/Tempat Tidur, Tetapi Digunakan Untuk Tujuan-Tujuan Ini Dalam Peringkat Pertama

Di bawah kategori ini, struktur-struktur/ruangan-ruangan telah dibina untuk lain-lain maksud, misalnya, sebagai sebuah pejabat, garaj, bangsal dan sebagainya dan *tidak dilakukan apa-apa perubahan*. Pada Peringkat Pertama, Tempat Kediaman itu mungkin sebenarnya digunakan sebagai sebuah pejabat dan sebagainya, pada waktu siang, tetapi dijadikan tempat tinggal dan tidur pada waktu malam. Ada kemungkinan juga, Tempat-Tempat Kediaman itu hanya merupakan satu kawasan lapang, misalnya, di perkarangan rumah atau serambi terbuka. Pengertian mengenai 'ruang' sebagai Tempat-Tempat Kediaman telah dibincangkan dalam bahagian penyeneraian rumah. (Sila rujuk kepada perenggan 3.2 (f) Bahagian 3).

Tempat Kediaman dalam kategori ini mungkin merupakan satu tempat perlindungan semula jadi, misalnya gua yang tidak dilakukan apa-apa perubahan.

Sekiranya Tempat Kediaman itu tidak dibina untuk maksud-maksud kediaman atau tidur dan tiada dilakukan apa-apa perubahan, tetapi digunakan bagi maksud-maksud ini pada penghitungan Peringkat Pertama, anda hendaklah tandakan kategori ini dan teruskan ke soalan yang berikut.

Tidak Bermaksud Untuk Kediaman/Tempat Tidur, Tetapi Kemungkinan Digunakan Untuk Tujuan-Tujuan Ini Dalam Peringkat Kedua

Anda mesti menanda kategori ini jika struktur-struktur/ruangan-ruangan yang telah dibina untuk maksud-maksud lain dan tidak dilakukan apa-apa perubahan (seperti dalam kategori sebelum ini) adalah *kosong* semasa penghitungan Peringkat Pertama, tetapi disahkan oleh orang-orang yang berdekatan bahawa ianya akan digunakan untuk kediaman dan/atau tempat tidur semasa penghitungan Peringkat Kedua, misalnya, sebuah masjid, tokong dan lain-lain.

12.	Dalam sebuah bangunan tetap misalnya, pejabat, sekolah, kedai, masjid, dsb.	14 <input type="checkbox"/>
	Ruang kediaman, misalnya, perkarangan rumah, serambi terbuka, dsb.	15 <input type="checkbox"/>
	Tempat perlindungan semula jadi	16 <input type="checkbox"/>
(TAMAT)		

SOALAN 12

Soalan ini hendaklah dijawab sekiranya anda telah menandakan salah satu dari dua kategori yang terakhir dalam Soalan 11. Anda dikehendaki menerangkan struktur/ruangan yang digunakan sebagai Tempat Kediaman pada Peringkat Pertama atau mungkin akan diduduki pada Peringkat Kedua, dengan menandakan kotak yang berkenaan dalam soalan ini.

Maklumat lanjut tidak diperlukan lagi (iaitu, Soalan 13–40 dibiarkan kosong) dan anda dikehendaki pergi ke Tempat Kediaman yang berikutnya.

13. Adakah Tempat Kediaman ini sebuah:	<input type="checkbox"/>
Yunit Perumahan	
Tempat Kediaman Beramai-ramai	<input type="checkbox"/>
	(Pergi ke 15)
Yunit Bergerak (untuk kategori ini, tamatkan temuduga di sini)	<input type="checkbox"/> 17

SOALAN 13

Soalan-soalan 13–15 adalah untuk Tempat-Tempat Kediaman yang telah dibina atau diubahkan untuk Tempat Kediaman manusia.

Soalan 13 membahagikan Tempat-Tempat Kediaman ini kepada tiga kategori, iaitu Yunit Perumahan, Tempat Kediaman Beramai-ramai dan Yunit Bergerak. Berikut ialah keterangan ringkas bagi tiap-tiap satu kategori:

Yunit Perumahan

Kategori ini ialah untuk Tempat-Tempat Kediaman yang bertujuan untuk kediaman bagi satu isirumah walaupun pada masa Banci ianya mungkin kosong atau diduduki oleh lebih dari satu isirumah.

Contoh-contoh yunit perumahan ialah rumah-rumah, rumah-rumah pangsa dan ‘apartment’, bilik-bilik yang mempunyai jalan masuk yang tersendiri dsbnya.

Tempat Kediaman Beramai-ramai

Tempat-Tempat Kediaman dalam kategori ini adalah bertujuan untuk kediaman bagi kumpulan-kumpulan besar individu. Tempat-Tempat Kediaman ini selalunya mempunyai beberapa kemudahan bersama, seperti kelengkapan memasak dan tandas, bilik mandi, ruang tetamu atau bilik-bilik tidur, yang digunakan bersama oleh penghuni-penghuni. Contoh-contoh Tempat-Tempat Kediaman Beramai-ramai ialah hospital, hotel-hotel, rumah-rumah orang tua yang berkeperluan, asrama-asrama bagi sekolah-sekolah berasrama, khemah-khemah buruh dan sebagainya.

Yunit Bergerak

Tempat-Tempat Kediaman bergerak meliputi apa-apa jenis Tempat Kediaman yang dibina untuk boleh dipindah-pindahkan, seperti khemah, atau yunit yang bergerak seperti bot. Tempat-Tempat Kediaman di atas rakit-rakit yang tidak dimaksudkan untuk pengangkutan tidak termasuk dalam kategori ini.

Maklumat lanjut tidak diperlukan lagi selepas anda menanda kotak ‘Yunit Bergerak’ (iaitu Soalan-soalan 14–40 ditinggalkan kosong), dan anda dikehendaki pergi Ketempat Kediaman yang berikutnya.

14. Rumah :	1
Berasingan	<input type="text"/>
Berkembar	2
	<input type="text"/>
Teres, Deret atau Rangkai	3
	<input type="text"/>
Rumah Panjang (Sabah dan Sarawak)	4
	<input type="text"/>
Rumah Pangsa/'Apartment' :	5
Dalam Blok Perumahan	<input type="text"/>
Dalam Rumah-Kedai, Pejabat	6
	<input type="text"/>
Lain-lain	7
	<input type="text"/>
Bilik:(mempunyai jalan terus masuk)	8
Dalam Rumah-Kedai, Pejabat	<input type="text"/>
Dalam/Bersambung kepada Rumah	9
	<input type="text"/>
Dalam/Bersambung kepada Kilang, Loji dsb.	10
	<input type="text"/>
Lain-lain	11
	<input type="text"/>
Pondok gantian/sementara, dsb.	12
	<input type="text"/>
Lain-lain, misalnya gua	13
	<input type="text"/>
(PERGI KE 16)	

SOALAN 14

Soalan ini membahagikan 'Yunit Perumahan' di Soalan 13 kepada lima jenis, iaitu, Rumah, Rumah Pangsa/'Apartment', Bilik, Pondok Gantian/Sementara dsbnya, dan Lain-lain. Tiap-tiap kategori ini mempunyai beberapa lagi kategori kecil melainkan bagi 'Pondok Gantian/Sementara dsbnya' dan 'Lain-lain'. Lampiran kepada arahan-arahan ini mengandungi gambar-gambar foto yang mungkin boleh menolong anda.

Berikut adalah beberapa perkara yang patut anda ambil ingatan mengenai kategori-kategori dalam soalan ini.

Sebuah rumah berasingan ialah sebuah rumah tersendiri, iaitu, tidak berkongsi dinding dengan rumah yang lain. Rumah berkembar ialah salah sebuah daripada dua buah rumah yang berkongsi satu dinding. Rumah teres, deret atau rangkai adalah dibina secara barisan-barisan yang mengandungi tiga atau lebih buah dan tiap-tiap sebuah rumah itu mempunyai dinding atau dinding-dinding yang sama dengan rumah sebelahnya. Kategori ini juga termasuk rumah-rumah berkelompok yang bersambung antara satu sama lain dalam berbagai bentuk, tetapi bukan dalam bentuk rumah teres. 'Rumah panjang' dirujuk kepada rumah-rumah teres yang diduduki oleh Orang-orang Asli di Sabah dan Sarawak. Rumah-rumah ini didirikan tinggi dari tanah dan mempunyai jalan di bahagian depan.

Sebuah rumah pangsa atau 'apartment' ialah sebuah Tempat Kediaman yang lengkap tersendiri, iaitu, tertutup serta mempunyai jalan masuk sendiri, dan mempunyai kemudahan-kemudahan memasak dan mandi sendiri, di dalam sebuah blok perumahan, rumah-kedai dsbnya.

Tempat Kediaman mungkin hanya sebuah bilik di dalam atau bersambung kepada sesuatu struktur dan mempunyai jalan masuk terus dari luar. Anda dikehendaki menanda kategori berkenaan di bawah 'Bilik' untuk menerangkan Tempat Kediaman ini. Contoh-contoh Tempat Kediaman dalam kategori ini ditunjukkan dalam "Buku Kerja Bagi Peringkat Pertama", iaitu, Borang 9.

Kategori 'Pondok-pondok gantian/semntara dsb.' adalah untuk Tempat-Tempat Kediaman yang amnya dianggap tidak sesuai sebagai Tempat Kediaman. Ianya biasa dibuat daripada bahan-bahan yang tidak berguna dan biasanya didapati di kawasan-kawasan bandar atau di pinggir-pinggir bandar. Misalnya, sebilangan pondok-pondok setinggan.

Kategori 'Lain-lain' hendaklah ditandakan jika anda tidak dapat mengelaskan Tempat Kediaman itu ke dalam mana-mana satu kategori di atas, misalnya, sebuah gua yang telah diubah untuk kediaman dan tidur.

15. Hotel, Rumah Tumpangan, Rumah Rehat, dsb.	18 <input type="checkbox"/>
Institusi Perubatan, misalnya Hospital, dsb.	19 <input type="checkbox"/>
Institusi Pelajaran	20 <input type="checkbox"/>
Institusi Amal, Ugama atau Kebajikan Sosial	21 <input type="checkbox"/>
Penjara, Pusat Tahanan, dsb.	22 <input type="checkbox"/>
Khemah Buruh Sementara	23 <input type="checkbox"/>
Lain-lain	24 <input type="checkbox"/>
(TAMAT)	

SOALAN 15

Soalan ini membahagikan 'Tempat Kediaman Beramai-ramai' kepada beberapa jenis.

Sesebuah hospital atau hotel yang besar biasanya dianggap sebagai satu Blok Penghitungan yang berasingan. Rumah-rumah berasingan atau lain-lain Tempat Kediaman di dalam perkarangan hospital atau hotel hendaklah dihitung berasingan.

Contoh-contoh institusi-institusi amal, ugama atau kebajikan sosial ialah rumah-rumah untuk orang tua yang berkeperluan dan orang-orang cacat, pusat-pusat pemulihan dadah, 'convent' dan sebagainya.

Dimana pekerja-pekerja diberi tempat penginapan sementara di dalam pondok-pondok, berek-berek, khemah dan sebagainya, serta berkongsi kemudahan-kemudahan komunal yang diberikan oleh pihak majikan, maka seluruh khemah itu hendaklah dianggap sebagai sebuah khemah buruh. Contoh-contoh biasa ialah khemah-khemah kerjaraya dan khemah-khemah untuk pekerja kayu balak. Akan tetapi, jika pekerja-pekerja ditempatkan di struktur-struktur tetap, misalnya rumah-rumah pekerja (staffs quarters), barisan rumah buruh estet, dsbnya, ianya hendaklah dikelaskan sebagai 'Yunit Perumahan' dan tandakan kotak yang berkenaan.

Penjara dan berek-berek tentera hendaklah dimasukkan di bawah 'Lain-lain'.

Anda dikehendaki menanda kotak yang berkenaan untuk menerangkan Tempat Kediaman itu. Maklumat lanjut tidak diperlukan lagi (iaitu Soalan-soalan 16—40 ditinggalkan kosong) dan anda dikehendaki pergi Ketempat Kediaman yang berikutnya.

BAHAN BINAAN DINDING LUAR			
16.	Bata/ Kongkrit <input type="checkbox"/>	Bata & Papan <input type="checkbox"/>	Papan sahaja <input type="checkbox"/>
	Zing/ Besi Beralur <input type="checkbox"/>	Papan & Zing/ Besi Beralur <input type="checkbox"/>	Atap/ Buluh dsb. <input type="checkbox"/>
	Lain-lain <input type="checkbox"/>	Tanpa Dinding <input type="checkbox"/>	

Tajuk ini merujuk kepada bahan/bahan-bahan pembinaan dinding-dinding luar Tempat Kediaman itu.

Kotak-kotak ada disediakan bagi beberapa kombinasi bahan-bahan. Tetapi sebelum menandakan sesuatu kategori kombinasi, anda hendaklah perhatikan bahawa tiap-tiap satu dari bahan-bahan itu mestilah meliputi sekurang-kurangnya 40% keseluruhan dinding-dinding luar itu. Jika tidak (iaitu, kurang dari 40%) tandakan bahan yang utama.

Bagi kombinasi-kombinasi yang lain anda hendaklah menentukan apakah bahan binaan yang utama dan tandakan kotak berkenaan.

Bata termasuk bata dan simen. Atap termasuk daun-daun nipah dan lain-lain bahan yang serupa.

Kadang-kadang anda akan mendapati bahawa dinding-dinding itu telah ditutupi oleh pelaster atau simen kasar. Dinding-dinding itu biasanya diperbuat dari bata atau kongkrit.

BAHAN BINAAN BUMBUNG		
17.	Kongkrit <input type="checkbox"/>	Genting <input type="checkbox"/>
	Kepingan Asbestos	<input type="checkbox"/>
	Genting dan Kepingan Asbestos	<input type="checkbox"/>
	Zing/Besi Beralur	<input type="checkbox"/>
	Kepingan Asbestos dan Zing/Besi Beralur	<input type="checkbox"/>
	Atap/Buluh Bertenun	<input type="checkbox"/>
	Atap/Buluh Bertenun dan Zing/Besi Beralur	<input type="checkbox"/>
	Kepingan Kayu	<input type="checkbox"/>
	Kepingan Kayu dan Lain-lain Bahan	<input type="checkbox"/>
	Bata (Negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia)	<input type="checkbox"/>
	Lain-lain	<input type="checkbox"/>

Tajuk ini merujuk kepada bahan/bahan-bahan pembinaan bumbung Tempat Kediaman itu.

Kotak-kotak ada disediakan untuk keadaan-keadaan dimana bumbung diperbuat daripada kombinasi bahan-bahan. Tetapi sebelum anda menandakan sesuatu kategori kombinasi, anda hendaklah perhatikan bahawa tiap-tiap satu bahan meliputi sekurang-kurangnya 40% keseluruhan bumbung itu. Jika tidak (iaitu, kurang dari 40%), tandakan bahan yang utama.

Bagi kombinasi-kombinasi bahan yang tidak diberikan di sini, anda hendaklah menentukan apakah bahan yang utama dan tandakan kotak yang berkenaan.

Atap/buluh bertenun termasuk daun-daun nipah dan lain-lain bahan yang serupa.

SOALAN 18

KEADAAN			
18.	Kukuh <input type="checkbox"/>	Mulai Buruk <input type="checkbox"/>	Buruk <input type="checkbox"/>

Soalan ini mendapatkan maklumat mengenai keadaan Tempat Kediaman itu.

Anda dikehendaki menilai keadaan Tempat Kediaman itu dengan pemerhatian sendiri. Jangan bertanyakan responden tentang keadaan yunit itu. Nilaikan yunit itu dari segi sifat-sifat strukturnya sendiri dan jangan dipengaruhi oleh keadaan jiran-jirannya, umur atau kebersihan struktur atau bangsa ataupun warna kulit penghuni-penghuninya. Perhatikan dengan teliti akan Tempat Kediaman itu dan bukan keadaan sekelilingnya.

Anda perlu memerhatikan tanda-tanda kecacatan pada struktur dan kemudiannya tandakan salah satu dari tiga kategori yang diterangkan di bawah:

Kukuh

Tempat-Tempat Kediaman yang kukuh adalah yang mana anda melihat tiada apa-apa kecacatan pada strukturnya atau kecacatan-kecacatan yang anda lihat adalah sedikit dan boleh diperbaiki dalam masa penyenggaraan yang biasa.

Kecacatan-kecacatan sedikit mungkin kekurangan cat, anak-anak tangga yang lama atau rosak sedikit, retak-retak kecil di dinding, retak-retak di tingkap. Walaupun ada kecacatan yang sedikit ini, Tempat Kediaman itu masih dianggap kukuh strukturnya.

Mulai Buruk

Tempat Kediaman yang mulai buruk menunjukkan tanda kekurangan jagaan yang sempurna dan mempunyai kecacatan-kecacatan pada struktur yang perlu diperbaiki. Salah satu kecacatan yang serius ialah sebahagian lantai telah reput atau dinding yang telah pecah, dan bahan-bahan yang hilang, sudah mencukupi untuk mengelaskan yunit itu sebagai mulai buruk.

Buruk

Tempat Kediaman yang buruk mempunyai satu atau lebih kecacatan yang serius dan biasanya tidak lagi memberikan perlindungan yang sempurna. Kecacatan-kecacatan seperti lubang-lubang di dinding-dinding, atau dinding-dinding, lantai-lantai, bumbung atau asas pembinaan yang lentur, kerosakan besar akibat dilanda ribut, banjir, kebakaran dan sebagainya, atau bahan-bahan yang longgar atau yang hilang di bahagian yang luas, akan mengelaskan yunit itu sebagai buruk.

Ilustrasi dengan gambar foto tentang kecacatan-kecacatan ini adalah ditunjukkan di dalam lampiran kepada arahan-arahan ini.

SOALAN-SOALAN 19-20

PENDUDUKAN	
19.	
<div>Diduduki <input type="checkbox"/> (Pergi ke 21)</div>	<div>Kosong <input type="checkbox"/> ↓</div>
20. Sebab berkeadaan kosong:	
<div>Kekosongan sementara <input type="checkbox"/></div>	<div>Perumahan Pekerja Bermusim <input type="checkbox"/></div>
	<div>Rumah Rehat <input type="checkbox"/></div>
<div>Baru siap, menanti diduduki atau untuk dijual/sewa <input type="checkbox"/></div>	
<div>Untuk dibaiki, diubah atau pembaharuan <input type="checkbox"/></div>	
<div>Berkeadaan buruk untuk didiami, menanti diroboh <input type="checkbox"/></div>	
<div>Lain-lain <input type="checkbox"/></div>	<div>Tidak diketahui <input type="checkbox"/></div>
(TAMAT)	

SOALAN 19

Dalam soalan ini anda dikehendaki menandakan samada Tempat Kediaman itu diduduki atau kosong. Sekiranya tidak ada sesiapa di dalam rumah apabila anda mengunjunginya, tidaklah bermakna yunit itu kosong. Penghuni-penghuninya mungkin telah pergi bekerja, melawat kawan-kawan dan sebagainya, dan akan pulang pada sebelah petang. Tanyakan jiran-jiran akan masa penghuni-penghuni itu akan pulang. Anda perlu berkunjung balik pada masa apabila ada seseorang dalam yunit itu.

Biasanya anda boleh memutuskan dengan perhatian samada Tempat Kediaman itu diduduki ataupun tidak. Maklumat ini boleh juga didapati dengan menanyakan jiran-jiran.

Jika Tempat Kediaman itu diduduki, tandakan kotak yang berkenaan dan pergi ke Soalan 21.

SOALAN 20

Bagi Tempat Kediaman yang kosong, anda dikehendaki mencatatkan dalam soalan ini sebabnya berkeadaan kosong. Selepas itu, pertanyaan lanjut tidak diperlukan lagi dan anda bolehlah pergi Ketempat Kediaman yang berikutnya. Berikut adalah keterangan ringkas bagi tiap-tiap satu kategori.

Kekosongan Sementara

Penghuni-penghuni Tempat Kediaman itu mungkin tiada buat sementara kerana pergi bercuti atau tinggal bersama saudaranya di tempat-tempat yang lain, ataupun sedang bekerja di tempat lain untuk sementara waktu. Anda mungkin perlu mengesahkan hal ini dengan bertanya kepada jiran-jiran. Sekiranya penghuni-penghuni hanya sedang bekerja atau sedang menguruskan aktiviti harian jauh dari Tempat Kediaman itu (iaitu, Tempat Kediaman itu tidak kosong), anda mesti mengunjung balik pada satu masa apabila ada orang di dalam rumah itu. Sebaliknya, jika anda telah dapat memastikan bahawa penghuni-penghuni itu tiada di Tempat Kediaman buat sementara waktu, maka anda hendaklah menandakan kategori ini.

Perumahan Pekerja Bermusim

Kategori ini ialah untuk Tempat-Tempat Kediaman yang digunakan oleh pekerja-pekerja bermusim dan yang demikian berkeadaan kosong selama beberapa bulan di sepanjang tahun itu.

Rumah Rehat

Tempat Kediaman mungkin kosong kerana ia digunakan hanya sebagai banglo untuk bercuti atau rumah peranginan pada hari-hari minggu. Tempat-Tempat Kediaman ini utamanya terdapat di bukit-bukit peranginan atau di tepi laut.

Baru Siap, Menanti Diduduki Atau Untuk Dijual/Sewa

Termasuk dalam kategori ini ialah semua Tempat Kediaman yang baru siap pembinaan, sedang menunggu untuk diduduki dan juga Tempat-Tempat Kediaman yang kosong dan sedang ditawarkan untuk dijual atau disewakan.

Untuk Dibaiki, Diubah Atau Pembaharuan

Tempat-Tempat Kediaman itu adalah kosong kerana ia sedang dibaiki, diubah atau diperbaharui.

Berkeadaan Buruk Untuk Didiami, Menanti Diroboh

Tempat-Tempat Kediaman mungkin kosong kerana ia tidak sesuai untuk didiami manusia, misalnya, merbahaya sebagai tempat tinggal/tidur atau ia sedang menunggu untuk dirobohkan.

Lain-Lain

Tempat Kediaman mungkin kosong atas sebab yang tidak termasuk dalam salah satu kategori diberikan di atas.

Tidak Diketahui

Kotak ini hendaklah ditandakan jika sebab kekosongan tidak dapat dipastikan, samada melalui pertanyaan pada jiran-jiran, orang-orang kampung ataupun melalui pemerhatian sendiri.

HAKMILIK

21. Adakah TK ini dimiliki oleh seorang dari penghuni-penghuni?

Ya

(Pergi ke 23)

Tidak

22. Adakah TK ini kepunyaan:

Individu Persendirian

Kerajaan/Badan Berkanun

Majikan Persendirian/Swasta

Lain-lain

Tidak diketahui

(Pergi ke 24)

23. Apakah kumpulan keturunan, komuniti atau loghat pemilik?

p

y

0

0

1

1

2

2

3

3

4

5

6

7

8

9

Bagi Soalan-soalan 21 dan 22, anda hendaklah menggantikan nama sebenar jenis Tempat Kediaman itu bagi istilah 'Tempat Kediaman' misalnya rumah, rumah pangsa, dsbnya.

SOALAN 21

Soalan ini bertujuan mengetahui samada Tempat Kediaman itu diduduki oleh pemiliknya ataupun tidak. Perkataan 'milik' tidak bermakna bahawa Tempat-Tempat Kediaman itu telah habis dibayar. Ia ditujukan kepada Tempat-Tempat Kediaman yang dibeli secara ansuran dan juga Tempat Kediaman yang telah dicagarkan.

Kategori 'Ya' juga termasuk Tempat Kediaman yang diduduki oleh keluarga atau waris pemilik, jika pemilik tinggal di tempat lain atau telah meninggal dunia.

27

Bagi Tempat Kediaman yang dimiliki oleh seorang dari penghuni-penghuni, anda hendaklah menandakan kategori 'Ya' dan anda hendaklah pergi terus ke Soalan 23.

SOALAN 22

Jika Tempat Kediaman itu tidak dipunyai oleh seorang dari penghuni-penghuni, anda hendaklah menanyakan responden itu siapakah yang memiliki Tempat Kediaman itu. Kemudian tandakan kotak yang berkenaan.

Di bawah ialah keterangan ringkas bagi tiap-tiap kategori itu.

Individu Persendirian

Di bawah kategori ini Tempat-Tempat Kediaman itu adalah dimiliki persendirian oleh individu-individu. Kes-kes biasa adalah Tempat-Tempat Kediaman yang disewa dan pemilik-pemiliknya tinggal di Tempat-Tempat Kediaman yang lain.

Rumah-rumah yang disewa dari agensi-agensi perumahan adalah biasanya dimiliki oleh individu-individu, walaupun sewa-sewanya dibayar kepada syarikat-syarikat itu. Bagi kes-kes ini anda dikehendaki menyiasat bagi mendapatkan butir yang betul.

Kerajaan/Badan Berkanun

Termasuk dalam kategori ini ialah Tempat-Tempat Kediaman yang dimiliki oleh Kerajaan dan Badan Berkanun misalnya, rumah-rumah Kerajaan, rumah-rumah untuk Pekerja L.L.N., rumah-rumah pangsa UDA dan sebagainya. Bagi kebanyakan kes penghuni-penghuni dikenakan membayar sewa kepada pihak berkuasa kerana menduduki tempat-tempat itu.

Tetapi sekiranya penghuni-penghuni dikenakan membuat *bayaran balik bulanan* kepada pihak berkuasa, Tempat-Tempat Kediaman itu akan dikelaskan sebagai 'Individu Persendirian', misalnya, rumah-rumah di rancangan-rancangan FELDA.

Majikan Swasta/Syarikat

Termasuk dalam kategori ini adalah Tempat-Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan-majikan kepada pekerja-pekerja mereka, misalnya rumah-rumah untuk pekerja-pekerja kilang.

Tetapi di dalam beberapa kes Tempat-Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan itu adalah dipunyai persendirian oleh individu-individu. Majikan menyewa rumah-rumah itu untuk pekerja-pekerja mereka. Dalam kes-kes ini, Tempat Kediaman itu hendaklah dikelaskan sebagai 'Individu Persendirian'.

Lain-Lain

Ini merujuk kepada selain dari kategori-kategori yang dinyatakan di atas, misalnya, dipunyai oleh Syarikat Kerjasama, Persatuan dan lain-lain.

Tidak Diketahui

Kotak ini hendaklah ditandakan jika responden itu tidak mengetahui pemiliknya setelah dibuat penyiasatan.

SOALAN 23 (Ditanya jika jawapan bagi Soalan 21 ialah ‘Ya’ ATAU Soalan 22 ialah ‘Individu Persendirian’)

Bagi Tempat-Tempat Kediaman yang dimiliki persendirian oleh individu-individu, anda hendaklah mendapatkan kumpulan keturunan, komuniti atau loghat pemilik-pemilik itu. Untuk mendapatkan Kod Kumpulan Keturunan, anda hendaklah merujuk kepada Kad Kod Kumpulan Keturunan, iaitu, Borang 58(a), (b) atau (c) yang diberikan kepada anda. Anda hendaklah menuliskan Kod Kumpulan Keturunan dan tandakan kotak-kotak yang berkenaan. Arahan-arahan bagi kes-kes kesulitan yang diberikan untuk Soalan 10 masih dipergunakan di soalan ini.

Responden mungkin dapat memberikan kepada anda kumpulan komuniti pemilik itu tetapi bukan kumpulan keturunannya. Anda hendaklah menyiasat bagi mendapatkan kumpulan keturunan yang sebenarnya. Sebagai contoh, jika di Semenanjung Malaysia jawapan diberikan ialah “China”, anda hendaklah mendapatkan kod yang tertentu dari 10 hingga 19.

SOALAN-SOALAN 24–26

BEKALAN AIR	
24. Apakah punca air minum yang digunakan?	<div><div>Air paip</div><div><div>Sungai</div><div>Parit, Saluran, Terusan</div><div>Perigi/Pam</div><div>Lain-lain</div></div><div>(Pergi ke 27)</div><div>(Pergi ke 26)</div></div>
25.	<div><div>Di dalam TK</div><div>Di luar TK</div><div>Kurang 100m</div><div>Lebih 100m</div></div>
26. Berkongsi dengan TK lain?	<div><div>Ya</div><div>Tidak</div></div>

SOALAN 24

Soalan ini ialah untuk mendapatkan jenis bekalan air digunakan oleh ahli-ahli di Tempat Kediaman itu untuk minum dan makan.

Tandakan kotak berkenaan dan menanda lebih dari satu kotak tidak dibenarkan. Jika lebih dari satu jenis bekalan ini digunakan, tandakan kategori yang ia selalu gunakan.

Bagi kategori ‘Air Paip’ ia akan memperhitungkan paip yang diperbuat dari timah atau PVC. Adalah diingatkan bahawa ia termasuk kesemua air paip, tidak kira samada ditaruh ubat atau tidak, atau dari bekalan awam atau tangki persendirian.

Kategori ‘Lain-lain’ termasuk air hujan.

SOALAN 25

Anda hendaklah menanyakan soalan berikut:

“Dimanakah kepala paip itu?”

Jika kepala paip itu terletak di luar Tempat Kediaman tetapi tiub getah digunakan untuk mengalirkan air itu ke dalam Tempat Kediaman, anda hendaklah mengelaskan itu sebagai ‘Di luar TK’. Kemudian tandakan kotak berkenaan di dalam kategori ini.

Jika responden itu menunjukkan kepala paip berada di dinding luar atau di dalam halaman rumah atau di mana-mana sahaja dalam lingkungan jarak 100 meter (iaitu 109 ela) dari Tempat Kediaman, tandakan kotak ‘Di dalam 100 meter’. Jika tidak, tandakan punca air paip sebagai ‘Di luar 100 meter’. Anda boleh buat taksiran sendiri untuk jarak itu jika anda tidak mendapat jawapan dari responden itu.

SOALAN 26

Soalan ini ialah untuk mendapatkan butir samada bekalan air itu dikhaskan untuk Tempat Kediaman itu sahaja ataupun tidak. Ia tidak berkaitan dengan kategori-kategori ‘Sungai’ dan ‘Parit, Saluran, Terusan’ dalam Soalan 24.

SOALAN-SOALAN 27–28

BEKALAN API	
27. Apakah jenis lampu yang digunakan?	
<div>Letrik <input type="checkbox"/></div>	<div>Lampu Pam/Gas <input type="checkbox"/></div>
	<div>Lampu Minyak <input type="checkbox"/></div>
	<div>Lain-lain <input type="checkbox"/></div>
<div>(Pergi ke 29)</div>	
28.	
<div>Bekalan Awam <input type="checkbox"/></div>	<div>Generator Persendirian <input type="checkbox"/></div>

SOALAN 27

Soalan ini ialah untuk mendapatkan butir ke atas jenis lampu digunakan di dalam Tempat Kediaman itu. Anda hendaklah tandakan kotak yang berkenaan dan menanda lebih dari satu kotak tidak dibenarkan.

Jika lebih dari satu jenis lampu digunakan, anda hendaklah menggunakan sekil keutamaan, misalnya, jika lampu letrik dan lampu gas digunakan, tandakan ‘Letrik’ ATAU jika lampu gas dan lampu minyak digunakan, tandakan ‘Lampu Pam/Gas’.

Jika Tempat Kediaman telah dilengkapi dengan dawai letrik tetapi tiada mempunyai keluaran-keluaran dalam bentuk soket atau mentol, jangan tandakan ‘Letrik’, tandakan kotak lain yang berkenaan.

Kategori ‘Lain-lain’ termasuk lilin.

SOALAN 28 (Ditanya soalan ini jika jawapan kepada Soalan 27 ialah 'Letrik')

Bagi Tempat-Tempat Kediaman menggunakan letrik, anda hendaklah menanyakan punca letrik itu. Anda hendaklah mengemukakan soalan berikut.

“Adakah letrik itu datang dari bekalan awam atau generator persendirian?”
Tandakan kotak berkenaan.

Kategori 'Bekalan Awam' termasuk L.L.N. dan letrik dibekalkan oleh syarikat letrik atau majlis tempatan.

Kotak 'Generator Persendirian' hendaklah ditandakan jika letrik itu dikeluarkan oleh generator yang dimiliki oleh isirumah itu atau lain-lain individu atau bukan syarikat letrik, misalnya, syarikat perlombongan atau estet.

SOALAN-SOALAN 29–31

KEMUDAHAN TANDAS	
29. Apakah jenis tandas yang digunakan?	
Sistem Pengalir <input type="checkbox"/>	Jamban Curah <input type="checkbox"/> Tong <input type="checkbox"/>
Lubang <input type="checkbox"/>	Ruang Tertutup Dipermukaan Air <input type="checkbox"/>
Tiada <input type="checkbox"/> (Pergi ke 32)	
30. Berkongsi dengan TK lain?	
Ya <input type="checkbox"/> (Pergi ke 32)	Tidak <input type="checkbox"/> ↓
31. Yunit	
1 <input type="checkbox"/>	2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5+ <input type="checkbox"/>

SOALAN 29

Soalan ini adalah berkenaan jenis kemudahan-kemudahan tandas yang digunakan oleh ahli-ahli dalam Tempat Kediaman itu. Jenis-jenis tandas adalah seperti berikut:-

Sistem Pengalir

Ini adalah sejenis tandas dilengkapi dengan satu alat mekanik sistem pembersihan. Kekotoran najis disalurkan keluar dengan air, dengan cara menekan atau menarik alat tertentu.

Jamban Curah

Kategori ini berbedza dari 'Sistem Pengalir' pada cara kekotoran najis itu disalurkan keluar. Pengguna itu mencurahkan air ke dalam mangkuk jamban itu untuk menyalurkan keluar kekotoran najis itu.

Tong

Tandas ini mempunyai satu tong untuk mengumpul najis itu. Tong itu boleh diangkat dan biasanya dibersihkan oleh pihak berkuasa awam.

Lubang

Kategori ini termasuk semua tandas yang mempunyai lubang digali ke dalam tanah untuk menampung kekotoran najis-najis. Nama-nama biasa untuk tandas-tandas itu ialah 'Jamban Siam' dan 'Jamban Lubang'.

'Cespit' hendaklah dimasukkan di sini. Jenis tandas ini lazim digunakan di dalam rancangan FELDA.

Ruang Tertutup Dipermukaan Air

Tandas ini dibina dengan cara supaya kekotoran najis jatuh terus ke dalam air, iaitu samada dibina di atas parit, sungai, laut, kolam, tasek atau paya. Tandas ini mestilah struktur yang tertutup atau separuh tertutup.

Tiada

Kategori ini termasuk semua kes-kes dimana ahli-ahli Tempat Kediaman itu tidak mempunyai kemudahan tandas. Penghuni-penghuni menggunakan paya-paya, sungai-sungai, semak-semak dan lain-lain, untuk membuang air besar.

Anda hendaklah bertanyakan soalan berikut:-

"Apakah jenis tandas yang digunakan oleh ahli-ahli Tempat Kediaman tuan/puan?"

Tandakan kotak yang berkenaan dan menanda lebih dari satu kotak tidak dibenarkan. Jika lebih dari satu jenis tandas digunakan, anda hendaklah menggunakan sekil keutamaan (misalnya, jika kedua jamban curah dan lubang digunakan, tandakan hanya kotak 'Jamban Curah').

Jika jawapan ialah 'Tiada Tandas' tandakan kotak 'Tiada' dan pergi ke Soalan 32.

SOALAN 30

"Adakah tuan berkongsi tandas-tandas ini dengan penghuni di Tempat-Tempat Kediaman yang lain?"

Tandakan 'Ya' atau 'Tidak'.

SOALAN 31 (Ditanya jika jawapan kepada Soalan 30 ialah 'Tidak')

"Berapakah unit tandas tuan/puan punyai di dalam Tempat Kediaman tuan/puan?"

Tandakan kotak yang berkenaan.

KEMUDAHAN MANDI			
32. Air digunakan untuk mandi			
Air Paip <input type="checkbox"/>	Perigi atau Pam <input type="checkbox"/>	Sungai <input type="checkbox"/>	Lain-lain <input type="checkbox"/>
33. Adakah TK ini mempunyai bilik mandi atau ruang mandi tertutup?			
Ya <input type="checkbox"/> ↓		Tidak <input type="checkbox"/> (Pergi ke 36)	
34. Berkongsi dengan TK lain?			
Ya <input type="checkbox"/>		Tidak <input type="checkbox"/>	
35. Kemudahan yang dilengkapkan			
Besen mandi panjang dibina dan/atau pancuran air <input type="checkbox"/>		Takungan yang Dibina <input type="checkbox"/>	
Perigi yang Dibina <input type="checkbox"/>	Bekas yang boleh dialih <input type="checkbox"/>	Tiada <input type="checkbox"/>	

Siri soalan-soalan ini adalah berkenaan dengan jenis kemudahan-kemudahan mandi yang dipergunakan oleh ahli-ahli Tempat Kediaman itu.

Dimana perkataan ‘Tempat Kediaman’ digunakan di dalam arahan-arahan berikut, anda hendaklah menggantikan dengan nama sebenar jenis Tempat Kediaman itu (misalan, Rumah, Rumah Pangsa dsb.)

SOALAN 32

“Dimanakah anda dapat bekalan air untuk mandi?”

Tandakan kotak berkenaan.

Anda hendaklah menggunakan sekil keutamaan di dalam kes lebih dari satu jawapan diberikan, misalan ‘Air Paip’ dan ‘Perigi atau Pam’, tandakan hanya kotak ‘Air Paip’.

Kategori ‘Lain-lain’ termasuk air hujan, parit, danau, tasek, dll.

SOALAN 33

“Adakah Tempat Kediaman tuan/puan mempunyai sebuah bilik mandi atau ruang mandi tertutup?”

Tandakan kotak yang berkenaan, samada ‘Ya’ atau ‘Tidak’.

Ruang tempat mandi mungkin di dalam atau di luar Tempat Kediaman itu. Jika di luar, ia mesti terletak di tepi struktur atau sekurang-kurangnya di dalam perkarangan. Sekiranya ada bilik-bilik mandi komunal berdekatan Tempat Kediaman itu anda tidak boleh mensifatkannya sebagai kepunyaan Tempat Kediaman itu.

SOALAN 34 (Ditanya jika jawapan kepada Soalan 33 ialah ‘Ya’)

“Adakah anda berkongsi bilik mandi ini (ruang mandi tertutup) dengan penghuni di Tempat-Tempat Kediaman yang lain?”

Tandakan kotak yang berkenaan, samada ‘Ya’ atau ‘Tidak’.

SOALAN 35

“Apakah kemudahan-kemudahan mandi yang dilengkapkan di dalam bilik mandi itu (ruang mandi tertutup)?”

Tandakan kotak berkenaan.

Jika lebih dari satu jawapan diberikan, gunakan sekil keutamaan (misalnya, jika ada pancuran air dan takungan yang dibina di dalam bilik mandi itu, tandakan ‘Besin mandi panjang dibina dan/atau pancuran air’).

Kategori ‘Bekas yang boleh dialih’ tidak termasuk timba atau yang lebih kecil dari itu. Kegunaanya ialah untuk menyimpan air dan bukan untuk memindahkan air, misalnya, tempayan.

Kategori ‘Tiada’ hendaklah ditandakan jika bilik mandi itu atau ruang mandi tertutup tidak mempunyai apa-apa kemudahan-kemudahan itu, misalan hanya kepala paip, timba, dll.

SOALAN-SOALAN 36–37

KEMUDAHAN MEMASAK	
36. Adakah TK ini mempunyai bilik dapur?	
<div>Ya <input type="checkbox"/> (Pergi ke 38)</div>	<div>Tidak <input type="checkbox"/> ↓</div>
37. Adakah TK ini mempunyai ruangan dipisahkan untuk memasak?	
<div>Ya <input type="checkbox"/></div>	<div>Tidak <input type="checkbox"/></div>

SOALAN 36

Soalan ini bertanyakan samada Tempat Kediaman itu mempunyai sebuah bilik dapur. “Bilik dapur” bermakna bilik atau ruang tertutup dikhaskan untuk tujuan-tujuan memasak dan dimaksudkan utamanya untuk tujuan itu. Bilik memasak-makan hendaklah dianggap sebagai bilik dapur.

SOALAN 37 (Ditanya jika jawapan kepada Soalan 36 ialah ‘Tidak’)

Tempat Kediaman itu mungkin tidak mempunyai bilik berasingan untuk memasak tetapi ia mungkin mempunyai ruang separuh bertutup yang diasingkan untuk tujuan-tujuan memasak.

Jika memasak dilakukan di dalam ruang kediaman/tidur dengan tidak mempunyai kawasan berasingan yang dipisahkan untuk memasak, anda hendaklah tandakan kotak ‘Tidak’.

SOALAN 38

BILIK		
	p	y
38. Bilangan bilik:	0	0
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
a) Bilik tidur	1	1
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	2	2
b) Bilik rehat	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	3	3
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
c) Bilik makan	4	4
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	5	5
d) Lain-lain bilik untuk kediaman	<input type="text"/>	<input type="text"/>
dan/atau tidur	6	6
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	7	7
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	8	8
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	9	9
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
Jumlah (a + b + c + d)	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Sebuah ‘bilik’ di dalam soalan ini ditakrifkan sebagai ruang yang dimaksudkan untuk kediaman dan/atau tidur yang dilingkungi oleh dinding-dinding atau pembahagian-pembahagian yang kekal atau separa-kekal. Bilik itu mungkin dalam berbagai saiz asalkan ia bertujuan untuk kediaman atau tidur. Dinding-dinding atau pembahagian-pembahagian tidak semestinya sampai kepada bumbung atau siling. Bagaimanapun, ia mestilah cukup tinggi untuk memberi sedikit tersendirian (privacy). Jika dinding keempat ialah hanya tirai anda hendaklah mengira ruang itu sebagai bilik.

Yang demikian dalam soalan ini anda dihadkan kepada (a) bilik tidur, (b) bilik rehat, (c) bilik makan, dan (d) lain-lain bilik untuk kediaman dan/atau tidur, di dalam Tempat Kediaman itu. Contoh-contoh bagi (d) ialah bilik-bilik belajar, bilik-bilik permainan dll.

Sebuah bilik untuk berbagai tujuan, misalnya bilik rehat-makan hendaklah dikira sekali sahaja dan dimasukkan ke dalam satu kategori misalnya, bilik rehat-makan boleh dicatitkan di dalam samada (b) atau (c) tetapi tidak di dalam kedua kategori.

Serambi-serambi akan dikira sebagai bilik-bilik jika ia ditutupi sepenuhnya dan dimaksudkan untuk tujuan-tujuan kediaman atau tidur. Jika tidak, janganlah dikira ia sebagai bilik.

Ada beberapa jenis bilik yang tidak bertujuan untuk kediaman atau tidur, misalnya bilik-bilik stor, tandas-tandas, bilik-bilik mencuci, dapur-dapur dan bilik-bilik mandi. Bilik-bilik ini merupakan bilik-bilik perkhidmatan (service) dan bukan bilik-bilik kediaman atau tidur dan tidak dimasukkan di dalam kiraan anda bagi bilik-bilik itu. Jika bilik-bilik ini digunakan untuk kediaman atau tidur pada masa banci, anda masih tidak memasukkannya dalam pengiraan.

Anda akan mendapatkan butir ini dengan kombinasi pemerhatian dan menyoal. Pertama, anda hendaklah menanyakan bilangan ke atas (a) bilik-bilik tidur, (b) bilik-bilik rehat, (c) bilik-bilik makan dan (d) lain-lain bilik untuk kediaman dan/atau tidur di dalam Tempat Kediaman itu. Anda hendaklah mencampurkan keempat angka itu dan catitkan jumlah itu di dalam ruang yang diberikan. Kemudian tandakan kotak-kotak yang berkenaan.

SOALAN 39

TAHUN PEMBINAAN		
39. Dalam tahun bempakah TK itu dibina?		
1980 <input type="text"/>	1979 (1) <input type="text"/>	1978 (2) <input type="text"/>
1977 (3) <input type="text"/>	1976 (4) <input type="text"/>	1975 (5) <input type="text"/>
1974 (6) <input type="text"/>	1973 (7) <input type="text"/>	1972 (8) <input type="text"/>
1971 (9) <input type="text"/>	1970 (10) <input type="text"/>	1960-1969 (11-20) <input type="text"/>
1950-1959 (21-30) <input type="text"/>	Sebelum 1950 (30 dan lebih) <input type="text"/>	Tidak diketahui <input type="text"/>

Soalan ini bertujuan untuk mendapatkan tahun sebenarnya Tempat Kediaman itu dibina. Bagi Tempat-Tempat Kediaman yang dibina oleh pemaju swasta, kerajaan atau badan berkanun, tahun pembinaan merujuk kepada tahun siap pembinaan. Sekiranya responden tidak dapat memberikan tahun sebenar, anda perlu bertanyakan “umur” Tempat Kediaman itu. Angka-angka di dalam tanda kurungan menunjukkan “Umur” Tempat Kediaman itu.

Sekiranya yunit perumahan itu ialah salah satu daripada beberapa yunit dalam sebuah bangunan (misalnya, sebuah rumah pangsa di dalam satu blok perumahan), tahun pembinaan hendaklah sama bagi kesemua yunit. Perbezaan-perbezaan mungkin berbangkit disebabkan adanya binaan-binaan tambahan kemudian kepada struktur asalnya. Jika ini telah berlaku, tahun pembinaan anda akan rekodkan bagi beberapa yunit akan berbeza. Bagaimanapun, sebagai satu peraturan am, beberapa yunit dalam sebuah bangunan seharusnya telah dibina pada masa yang sama dan anda akan memastikan bahawa maklumat yang ditandakan dalam tiap-tiap Borang 2 adalah sama.

Akan tetapi, sekiranya satu pembaharuan besar telah dibuat ke atas rumah itu, dimana lebih dari setengah bangunan asal telah dibina semula dan sebahagian besar yang baru itu digunakan untuk maksud tempat tinggal dan/atau tidur, anda hendaklah mencatatkan tahun dibuat pembaharuan.

Jika responden tidak dapat memberi jawapan, cuba selidik dengan menanyakan samada Tempat Kediaman itu telah ada pada hari Merdeka, Pemerintahan Darurat, Peperangan Dunia II, Banci yang lalu, peristiwa 13 Mei ataupun apa-apa peristiwa penting lain yang telah berlaku di dalam negara ini.

Kategori 'Tidak diketahui' akan ditandakan jika responden tidak mengetahui langsung tentang umur Tempat Kediaman itu.

SOALAN 40

PEMBINA (Hanya bagi Rumah-Rumah Pangsa atau Apartment)			
40. Adakah TK ini dibina oleh :			
Sendiri <input type="checkbox"/>	Kerajaan <input type="checkbox"/>	Pemaju Swasta <input type="checkbox"/>	Badan Berkanun <input type="checkbox"/>
Kerajaan/Badan Berkanun bersama Pemaju Swasta <input type="checkbox"/>	Lain-lain <input type="checkbox"/>	Tidak diketahui <input type="checkbox"/>	

Soalan ini ialah untuk mendapatkan butir mengenai siapakah yang membuat keputusan-keputusan utama bersangkutan dengan pembinaan Tempat Kediaman itu, misalnya, penyediaan spesifikasi, mendapatkan kontraktor dan lain-lain, dan memodali projek itu. Tandakan kotak yang berkenaan.

Jika lain-lain bahagian Tempat Kediaman itu telah dibina oleh pembina-pembina yang berlainan, ia merujuk kepada bahagian besar yang digunakan untuk kediaman dan tidur.

Responden mungkin tidak mengetahui butir itu jika ia ialah penyewa atau bukan pemilik pertama Tempat Kediaman itu. Tetapi anda mungkin boleh dapat butir itu dengan mengikut arahan-arahan di bawah:-

- (1) Di dalam estet-estet atau projek-projek perumahan butir itu seharusnya sama, iaitu, samada kerajaan, badan berkanun, pemaju swasta, kerajaan/badan berkanun bersama pemaju swasta atau lain-lain.
- (2) Rumah-rumah berasingan dan deret bukan di dalam estet-estet atau projek-projek perumahan boleh dikelaskan sebagai 'Sendiri', misalnya, rumah-rumah kampung, 'rumah panjang'.

Bagi Tempat-Tempat Kediaman di dalam projek-projek perumahan, butir ke atas pembina boleh diperolehi dari Tempat-Tempat Kediaman di dalam rancangan yang sama, sekiranya responden tidak mengetahui butir itu.

Berikut ialah penjelasan ringkas bagi tiap-tiap kategori:-

Sendiri

Di bawah kategori ini pemilik-pemilik membina Tempat-Tempat Kediaman itu sendiri atau dengan pertolongan kawan-kawan/saudara-saudara. Ia termasuk juga Tempat-Tempat Kediaman dibina oleh kontraktor-kontraktor/tukangkayu-tukangkayu yang telah diupah oleh pemilik-pemilik.

Kerajaan

Tempat-Tempat Kediaman ini telah dibina oleh kerajaan, misalnya rumah-rumah kerajaan dan lain-lain.

Pemaju Swasta

Ini ialah syarikat swasta yang menjalankan projek-projek perumahan. Kawasan-kawasan yang diliputi biasanya besar dan dapat dikenali dari nama kawasan itu, misalnya, Taman Gombak, Taman Melor dan sebagainya.

Badan Berkanun

Ini merujuk kepada Tempat-Tempat Kediaman yang telah dibina oleh Badan-badan Berkanun misalnya, UDA, FELDA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan sebagainya. Badan-Badan Berkanun selalunya menjalankan projek-projek perumahan secara besaran.

Kerajaan/Badan Berkanun bersama Pemaju Swasta

Di bawah kategori ini projek perumahan itu dilaksanakan bersama oleh Kerajaan/Badan Berkanun dengan Pemaju Swasta, misalnya, U.D.A./S.E.A. Park. Kategori ini kadang-kadang dapat dikenali dari nama pemaju rancangan itu.

Lain-Lain

Termasuk di bawah kategori ini ialah Tempat-Tempat Kediaman yang dibina oleh bukan syarikat perumahan misalnya, perumahan-perumahan pekerja dibina oleh syarikat-syarikat estet dan yang dibina oleh syarikat-syarikat kerjasama dan pertubuhan-pertubuhan.

Tidak Diketahui

Kategori ini adalah bagi kes-kes dimana responden tidak mengetahui pembina Tempat Kediaman yang ia duduki itu.

Kotak 'Tidak Diketahui' ini hanya ditandakan apabila sangat jelas responden itu tidak mengetahui jawapan itu.

MUSTAHAK

Sebelum anda pergi ke Tempat Kediaman berikut, beritahu responden bahawa anda akan melawat Tempat Kediannya lagi pada hari di antara 11hb. Jun hingga 28hb. Jun. Di dalam temuduga yang kedua anda ingin mengetahui nama-nama orang yang tidur di dalam Tempat Kediaman itu pada malan 10hb./11hb. Jun. Mintalah responden menyediakan senarai nama-nama itu di pagi 11hb. Jun untuk mengelakkan terkurang atau terlebih dalam mengira penduduk.

BAHAGIAN 6 : KERJARUMAH

- (A) Selepas kerja setiap hari, anda perlu membuat sedikit kerjarumah. Ini tidak akan mengambil masa anda yang panjang tetapi hendaklah diselesaikan pada setiap hari.
- (1) Keluarkan borang-borang yang telah diisi dari Fail Kotak Hijau anda. Aturkan borang-borang mengikut susunan nombor Tempat-Tempat Kediaman.
- (2) Buat kerja yang berikut di atas Borang-Borang 2:
- (a) *Isikan Soalan 1 – 5. Kod-kod boleh diperolehi dari kulit Buku Penyenaraian Rumah.*
- (b) *Isikan Soalan 6 (alamat). Maklumat boleh diperolehi dari Ruangan 4 Buku Penyenaraian Rumah.*
- (c) *Isikan Soalan 7. (Bil. Isirumah di dalam Tempat Kediaman ini). Ini boleh diperolehi dari Ruangan 6 Buku Penyenaraian Rumah. Pastikan bahawa anda memasukkan mana-mana isirumah tambahan yang disenaraikan di bawah muka-surat itu. Kemudian, tandakan kotak di bawah borang seperti yang ditunjukkan oleh tanda anak panah “Tandakan bilangan Isirumah di sini (Soalan 7)”.*
- (d) *Isikan Soalan 8 (Bil. Orang di dalam Tempat Kediaman ini). Ini boleh diperolehi dari Ruangan 8 Buku Penyenaraian Rumah. Campurkan bilangan orang lelaki perempuan dan perseorangan di setiap isirumah di dalam Tempat Kediaman untuk mendapatkan jumlah besar bagi Tempat Kediaman itu (termasuk mana-mana Isirumah tambahan di bawah borang seperti yang ditunjukkan dengan tanda anak panah “Tandakan Jumlah Penduduk di sini (Soalan 8)”.*
- (e) *Isikan Ruangan 2 di dalam Buku Penyenaraian Rumah. Maklumat mengenai kod jenis T. K. ini adalah diperolehi dari Soalan-Soalan 12, 13, 14 atau 15 di Borang 2, Kod jenis T. K. adalah nombor yang dicetak di atas kotak yang telah ditandakan oleh anda dalam Soalan 12, 13, 14 atau 15.*
- (f) *Pastikan bahawa tiada tanda-tanda di sebelah kanan sekali di atas borang melebihi sehingga ke set garis-garis hitam yang telah dicetak di tepi.*
- (3) Letakkan borang-borang di atas borang-borang yang telahpun diisi bagi hari-hari yang lalu. Pastikan bahawa semua borang adalah mengikut susunan nombor Tempat-Tempat Kediaman. Semua borang yang telah diisi dengan lengkapnya mesti disimpan di dalam Kotak Penyimpanan (Bagi Peringkat Pertama).

(B) *Pada hujung penghitungan Peringkat Pertama anda perlu membuat kerja yang berikut di dalam Buku Penyenaraian Rumah.*

- (1)** *Tuliskan jumlah bagi tiap-tiap mukasurat. Campurkan Ruangan 7 dan Ruangan 8 dan juga jangan lupa memasukkan mana-mana isirumah tambahan dan orang-orang di bawah mukasurat di "KELEBIHAN".*
- (2)** *Pindahkan jumlah-jumlah mukasurat kepada ringkasan di mukasurat 64.*
- (3)** *Campurkan ringkasan mukasurat untuk mendapat jumlah blok penghitungan di mukasurat 64.*
- (4)** *Isikan di sebelah kanan ringkasan. Untuk mendapatkan bilangan Tempat-Tempat Kediaman yang kosong dan kemasukan-kemasukan yang dibatalkan anda perlu memeriksa balik setiap mukasurat dan menyemak ruangan-ruangan 5 dan 12.*
- (5)** *Bandingkan jumlah-jumlah (T. K. dan Penduduk) yang diperolehi di mukasurat 64 dengan Borang M3. Jika ada perbezaan 10% atau lebih, anda mesti menyemak angka-angka yang dipindahkan dari setiap mukasurat dalam Buku Penyenaraian Rumah ke mukasurat 64 dan juga tambahan kepada mukasurat 64. Sekiranya setelah anda telah membuat demikian dan masih ada perbezaan 10% atau lebih, anda mesti cuba tuliskan di bawah mukasurat 64 sebab ada perbezaan ini. Jika perbezaannya terlalu banyak, maka anda perlu mengadakan satu lawatan semula jika masa mengizinkan.*
- (6)** *Penuhi "Pengiraan Bilangan Borang-Borang" di mukasurat 1 dan tandakan pengakuan di mukasurat 66.*

BAHAGIAN 7 : RENGKASAN TUGAS-TUGAS PENGHITUNG
PADA PERINGKAT PERTAMA

Dalam enam Bahagian di atas, kita telah membincangkan secara mendalam jenis-jenis tugas yang anda perlu laksanakan pada Peringkat Pertama. Sementara itu, konsep-konsep dan istilah-istilah penting yang perlu anda gunakan dalam kerja anda telahpun ditakrifkan dan diberi contoh. Di samping itu beberapa masaalah praktikal semasa anda menjalankan kerja juga telah diterangkan.

Untuk menentukan supaya anda mempunyai fahaman baik mengenai tugas-tugas anda yang sebenarnya sebagai seorang penghitung, kita ringkaskan di bawah ini jenis-jenis tugas yang perlu anda jalankan pada Peringkat Pertama:

(A) Tugas-tugas sebelum Penghitungan

- (1) Menghadiri latihan; dan
- (2) Membincangkan sempadan-sempadan BP dengan Penyelia anda dan pastikan bahawa anda telah betul-betul faham akan kawasan BP anda. Di kawasan-kawasan bandar/"Suburban", cuba lawat dan tentukan sempadan-sempadan.

(B) Tugas-tugas Penghitungan

- (1) Secara am, adalah difikirkan baik bagi anda melawat dan meminta bantuan dan kerjasama pegawai-pegawai tempatan misalnya Penghulu, ahli Majlis Tempatan; dan sebagainya
- (2) Di kawasan luar bandar, pereksalah senarai kampung-kampung di dalam Borang M3 bersama-sama dengan Ketua Kampung dan jika perlu sertakan senarai itu;
- (3) Bahagikan BP anda kepada beberapa bahagian mengikut bentuk mukabumi semulajadi. Tentukan dan melawat secara sistematik semua Tempat Kediaman dan isirumah di dalam tiap-tiap satu bahagian BP anda. Juga lawat semua kampung di dalam BP anda;
- (4) Bagi tiap-tiap sebuah Tempat Kediaman yang telah dilawati, isikan kad penyenaian dan lekatkannya di satu tempat di Tempat Kediaman;
- (5) Penuhi ruangan-ruangan yang berkenaan dalam Buku Penyenaian Rumah;
- (6) Isikan satu Borang 2 bagi tiap-tiap Tempat Kediaman;
